

# STRATEGI PERGERAKAN KOMUNIS DAN PARTI KOMUNIS MALAYA (PKM), 1920-1989

## STRATEGIES OF THE COMMUNIST MOVEMENT AND THE MALAYAN COMMUNIST PARTY (MCP), 1920-1989

Ho Hui Ling<sup>1</sup>

### Abstract

The Malayan Communist Party (MCP), which traces its roots to the 1920s, adopted various strategies to spread its ideology among the masses. As early as the 1920s, the communist movement employed the 'United Front' strategy by using the Kuomintang party and Chinese schools, organisations and publications as means to spread its influence. After the establishment of the MCP in 1930, the communist strategy was to exploit the prevailing conditions such as the economic recession and the Sino-Japanese War to increase their influence among the people. During the Japanese occupation the 'United Front' strategy was again utilised, this time the MCP cooperated with the British against Japan. The same strategy was used in the post-war period by the MCP in their alliance with left-wing organisations against the returning British in Malaya, but it ended in failure. At the same time, the MCP attempted to control the labour unions but this too was not successful. The setbacks faced by the MCP forced it to adopt a more militant strategy via armed struggle. This article examines the various strategies used by the MCP between 1920 and 1989 to spread their influence among the populace.

**Keywords:** Malayan Communist Party, strategies, United Front, Emergency

### Pengenalan

Pergerakan komunis merupakan satu masalah dan cabaran yang dihadapi oleh Malaysia atau lebih dikenali sebagai Tanah Melayu sejak awal tahun 1920-an lagi. Pada ketika itu, komunis telah bergerak dalam menyebarkan kegiatan dan fahaman mereka kepada golongan belia, pekerja dan pelajar. Pergerakan komunis menjadi lebih giat dan tersusun dengan pembentukan Parti Komunis Malaya (PKM) pada April 1930 yang bermatlamatkan penubuhan sebuah kerajaan komunis, iaitu Republik Rakyat Malaya. Gerakan komunis mencapai kemuncak pada Jun 1948 berikutan PKM memulakan kegiatan keganasan dan kekerasan di negeri-negeri Melayu bagi merealisasikan perjuangan mereka. Kekacauan yang ditimbulkan oleh PKM itu menyebabkan Tanah Melayu memasuki zaman darurat di bawah Undang-undang Darurat yang diisytiharkan pada 16 Jun 1948. Bagaimanapun, dengan adanya pelbagai usaha kerajaan dan kerjasama daripada orang ramai, gerakan komunis dapat dilemahkan sehingga akhirnya mereka tidak mampu melancarkan serangan secara besar-besaran terhadap orang awam, pasukan keselamatan dan pihak

pentadbiran. Berikutnya, zaman darurat di Tanah Melayu diisytiharkan berakhir oleh pihak kerajaan Perikatan pada 31 Julai 1960. Selaras itu juga berakhir tahap pertama pergerakan bersenjata PKM di Tanah Melayu.

Setelah itu, saki-baki anggota PKM mengundurkan diri ke Selatan Thailand buat sementara waktu. Disitulah mereka menyusun dan mengukuhkan semula kekuatan pasukan tentera, memulihkan semangat juang anggota serta membuat perancangan pergerakan dengan lebih teliti, sambil menunggu masa yang sesuai untuk kembali semula ke Malaysia dengan perjuangan yang sama, iaitu menubuhkan sebuah negara komunis. Akhirnya, pada Jun 1968, PKM memulakan semula pergerakan bersenjata di Semenanjung Malaysia buat kali kedua. Peristiwa ini dikenali oleh para sejarawan sebagai kebangkitan atau kemunculan semula PKM setelah mereka gagal dalam gerakan bersenjata pertama (1948-1960). Pergerakan bersenjata PKM ini berakhir pada 2 Disember 1989 apabila komunis bersetuju berdamai dengan pihak kerajaan. Sepanjang pergerakan PKM di Malaysia (1920-1989) ini, pelbagai strategi telah dirancang dan dijalankan oleh mereka untuk mempengaruhi dan memenangi rakyat serta menumpaskan pentadbiran British supaya tercapai matlamat perjuangan mereka.

Justeru itu, tumpuan perbincangan dalam artikel ini akan diberi kepada strategi komunis dan PKM dalam rancangan mereka untuk menguasai rakyat dan negara ini. Untuk itu, perbincangan akan dibahagikan kepada beberapa tahap, iaitu strategi awal pergerakan komunis pada tahun 1920-an, strategi PKM pada tahun 1930-1940, strategi PKM pada zaman pendudukan Jepun, 1941-1945, strategi PKM selepas perang, 1946-1948, diikuti dengan strategi PKM pada zaman darurat, 1948-1960 dan strategi PKM antara 1960-1968 serta strategi PKM selepas muncul semula di Malaysia Barat pada tahun 1968 sehingga 1989.

### Strategi pergerakan komunis, 1920-an

Usaha komunis untuk menyebarkan ideologi mereka dalam kalangan penduduk di Tanah Melayu telah bermula pada awal tahun 1920-an. Pada ketika itu, pergerakan komunis dipengaruhi oleh komunis dari China dan Indonesia. Strategi Barisan Bersatu<sup>2</sup> sebagaimana yang digunakan oleh Parti Komunis China (PKC) dengan Kuomintang di China telah digunakan oleh komunis dalam menyebarkan ideologi mereka kepada penduduk. Dalam hal ini, komunis telah menggunakan cawangan-cawangan Kuomintang (KMT) di negeri-negeri Melayu yang beribu pejabat di China. Menjelang tahun 1924, cawangan dan ranting KMT telah ditubuhkan di kebanyakan negeri-negeri Melayu dan digunakan oleh komunis sebagai pelapis bagi menyebarkan pengaruh mereka. Antaranya, cawangan KMT telah dibentuk di Seremban, Melaka, Muar, Pulau Pinang, Kedah, Kuala Lumpur, Klang, Sungai Petani, Singapura, Ipoh, Menglembu, Lahat, Pusing, Tronoh, Port Swettenham (Pelabuhan Klang), Sitiawan, Kampung Koh dan Pudu. Manakala ranting-ranting KMT pula terdapat di Rantau, Kuala Pilah, Asahan, Jasin, Bemban, Panchor, Serom, Kwan Loan, Tangkak, Ulu Tiram, Selama, Kroh, Klian Intan, Tongkah, Pulau Langkawi, Ranting 1-5 di Kuala Lumpur, Ranting 1-12 di Klang, Bedong, Baling, Sungai Lalang dan Ranting 1-5 di Singapura.<sup>3</sup>

Selain itu, komunis turut menggunakan kesatuan-kesatuan sekerja, akhbar dan sekolah-sekolah dalam pergerakannya. Antara pertubuhan buruh berunsur komunis di Negeri Sembilan pada tahun 1926 termasuklah Persatuan Pekerja Aik Min Port Dickson, Persatuan Pekerja Aik Khwan Kuala Pilah, Persatuan Pekerja Getah Negeri Sembilan, Persatuan Pekerja Kedai Negeri Sembilan, Persatuan Pekerja Aik Chi Sepang, Persatuan Orang Gaji Negeri Sembilan, Persatuan Pekerja Getah Tanah Merah, Persatuan Pekerja Getah Pengkalan Kempas, Persatuan Pekerja Yan Khwan Seremban dan Persatuan Pekerja Aik Shin Rantau. Persatuan-persatuan tersebut telah digabungkan menjadi Persatuan Am Nanyang (*Nanyang General Labour Association*) atau juga dikenali sebagai Persatuan Perwakilan yang merupakan cawangan kepada *General Labour Association of China*. Manakala, pada 30 Mei 1927, tiga orang Cina telah ditahan di Melaka atas tuduhan mengendalikan pertubuhan yang diharamkan, iaitu *The New Students' Society*. Salah seorang daripadanya didapati berhubung rapat dengan pertubuhan buruh di Melaka, Muar dan Batu Pahat.<sup>4</sup> Selain itu, terbitan seperti akhbar juga digunakan sebagai media oleh komunis untuk menyebarkan ideologi, propaganda dan kegiatan kepada orang awam. Antara contoh akhbar yang berunsur komunis termasuklah akhbar *Red Star Weekly*, *Red Star Supplement*, *Charcoal*, *Struggle*, *Youths' War Front Weekly*, *Red Flag* dan *The Economic Policy of New China*<sup>5</sup> serta akhbar yang menjadi organ KMT, iaitu *Yik Khwan Yat Po* (Kuala Lumpur) dan *Thin Sing Yat Po* (Klang). Manakala, terbitan berkala yang berunsurkan komunis seperti *The Guide Weekly*, *Chinese Youth* dan *Chinese Seamen's Union* yang kemudian telah dirampas oleh kerajaan pada Disember 1926.<sup>6</sup>

Sementara itu, sekolah Cina juga menjadi pusat gerakan penting komunis dalam menyebarkan pengaruhnya. Ini kerana kebanyakan guru sekolah dibawa dari China dan terpengaruh dengan perkembangan politik kiri di China. Pihak Komunis mendapati bahawa pelajar dan guru sekolah Cina selalunya adalah simpatisan komunis, maka mereka dapat dipengaruhi dengan ideologi dan perjuangan komunis dengan mudah. Dari sinilah pelajar-pelajar ditanam dengan semangat dan diberi gambaran perjuangan untuk membela nasib rakyat yang

tertindas dan miskin. Sekolah malam yang dipengaruhi oleh unsur komunis telah wujud di Kuala Lumpur sejak tahun 1920-an, dimana dilaporkan terdapat 16 sekolah yang menjadi markas ejen komunis. Pada Oktober 1926, pihak berkuasa telah menjumpai surat yang dialamatkan kepada seorang guru bangsa Cina Hailam yang meminta pandangan dan simpati beliau terhadap komunis dan aktiviti mereka di Tanah Melayu. Bersama-sama surat itu turut disertakan borang soal selidik bertajuk "Overseas Investigation Form" yang meminta maklumat tentang kawasan tumpuan petempatan orang Cina, bilangan peniaga dan pekerja Cina, pandangan politik berkaitan komunis, maklumat tentang akhbar Cina serta keadaan hidup orang Cina di seberang laut.<sup>7</sup> Manakala, pada tahun 1927, pihak berkuasa telah berjaya merampas kertas, buku harian dan surat-surat daripada seorang guru di Sekolah Malam Phing Man, Kuala Lumpur yang menunjukkan beliau mempunyai rancangan untuk mempengaruhi pelajarannya dengan ideologi komunis.<sup>8</sup>

Selain itu, komunis dengan bantuan badan komunis antarabangsa, *Comintern (Communist International)* juga menggunakan pemimpin dari komunis Indonesia dalam strateginya mempengaruhi orang Melayu di negeri-negeri Melayu. Seawal tahun 1921 dan 1922, nama-nama ejen komunis Indonesia dan Belanda seperti Sneevliet, Baars, Semaun, Darsono dan lain-lain telah dilaporkan berkali-kali melawat Singapura dan negeri-negeri Melayu.<sup>9</sup> Pada sekitar tahun 1926, komunis Indonesia di bawah Partai Komunis Indonesia (PKI) telah bangkit untuk menentang dan menamatkan pemerintahan Belanda di Jawa dan Sumatera tetapi tidak berjaya. Ekoran daripada itu, semakin ramai komunis Indonesia yang melarikan diri daripada buruan pihak pemerintah telah tiba di Singapura dan negeri-negeri Melayu. Antara mereka termasuklah Alimim dan Moeso, diikuti oleh Tan Malaka, Hasanoesi, Boedisoejito, Sutan Perpatih, Winanta, Soebakat dan Jamaluddin Tamin. Kebanyakan daripada mereka hanya tinggal untuk satu jangka masa pendek dan ketika di Tanah Melayu, mereka menjalankan aktiviti anti-penjajahan (Belanda) dan merekrut orang Indonesia serta Melayu tempatan untuk menyertai gerakan mereka. Bagaimanapun, pada penghujung tahun 1926, kebanyakan pemimpin komunis Indonesia telah ditahan oleh pihak berkuasa. Antaranya, pada 18 Disember 1926, Alimin dan Moeso yang ditahan oleh pihak polis British di Singapura. Mereka tiba di Singapura dari Bangkok dengan kapal S.S. Deli pada 15 Disember 1926. Setelah ditahan dan disiasat oleh pihak berkuasa, mereka diarahkan supaya meninggalkan negeri-negeri Melayu dan diberi kebebasan untuk memilih negara yang hendak ditujui. Akhirnya, kedua-dua pemimpin tersebut telah memilih pergi ke Canton, China.<sup>10</sup>

Perkembangan komunis di Tanah Melayu amat dipengaruhi oleh perkembangan di China berbanding dengan pengaruh dari Indonesia. Disebabkan itu, tidak dapat dinafikan dalam pergerakan komunis, lebih 80 peratus daripada anggota, penyokong dan orang yang bersimpati dengan perjuangannya adalah orang Cina. Dengan itu, perkembangan di China turut mempengaruhi perkembangan komunis di Tanah Melayu. Apabila KMT mencapai kerjasama dengan PKC di China pada tahun 1924 dan membentuk Barisan Bersatu KMT-PKC, komunis di Tanah Melayu juga bekerjasama dengan KMT. Namun demikian, setelah Dr Sun Yat-Sen meninggal dunia pada Mac 1925, keretakan berlaku dalam Barisan Bersatu KMT-PKC sehingga pakatan itu berpecah pada tahun 1927. Dengan itu, pihak komunis di Tanah Melayu tidak dapat lagi menggunakan cawangan-cawangan KMT dalam penyebaran fahaman mereka. Oleh yang demikian, *Comintern* telah mengatur langkah lain untuk pergerakan komunis di negeri-negeri Melayu. Perkembangan ini telah membawa kepada penubuhan Parti Komunis Nanyang (PKN) pada Januari 1928. Namun begitu, PKN tidak berjaya dalam menyusun dan melebarkan kegiatan komunis, maka pihak *Comintern* akhirnya mengarahkan penubuhan sebuah pertubuhan komunis yang baru. Pada 30 April 1930, Parti Komunis Malaya (PKM) telah ditubuhkan dengan matlamat untuk mendirikan sebuah negara komunis (Republik Komunis Malaya) selaras dengan objektif komunis sedunia.<sup>11</sup>

### Strategi PKM, 1930-1940

Bermula tahun 1930, perkembangan komunis di Tanah Melayu adalah di bawah pengaruh PKM. Pada ketika itu, Jawatankuasa Pusat PKM mengeluarkan arahan supaya mengatur strategi bagi menimbulkan kekacauan dengan melancarkan aktiviti pemogokan, pemboikotan, sabotaj dan demonstrasi dalam perjuangan ke arah mencapai matlamat PKM. Justeru itu, PKM memberi tumpuan kepada strategi mempengaruhi golongan buruh dan orang Cina. Pertama, PKM mempergunakan keadaan kemelesetan ekonomi dunia pada tahun 1930-an untuk mempengaruhi kaum buruh di Tanah Melayu supaya menganjurkan pemogokan. Kedua, melalui Perang China-Jepun yang meletus pada tahun 1937, PKM telah menganjurkan gerakan anti-Jepun supaya dapat memperluaskan pengaruhnya dalam kalangan penduduk Cina di Tanah Melayu.

Kemelesetan ekonomi dunia yang turut dirasai oleh Tanah Melayu pada awal tahun 1930-an telah membantu perkembangan komunis di Tanah Melayu. Walaupun keadaan ekonomi telah mulai pulih kembali pada pertengahan

1930-an, namun hubungan antara majikan dengan pekerja menjadi tegang disebabkan majikan tidak sanggup menaikkan gaji pekerjanya kepada kadar seperti sebelum berlakunya kemelesetan ekonomi. Kesempatan ini digunakan oleh PKM untuk memperkukuhkan propaganda komunis dalam kalangan para pekerja dengan menganjurkan kegiatan mogok. PKM didapati telah berjaya mempengaruhi pekerja-pekerja dari hampir semua sektor termasuklah tukang jahit, pekerja kuari, pekerja binaan, pekerja kilang nenas, pembuat kasut, orang gaji tempatan, pekerja kilang getah dan sesetengah pekerja di estet getah serta pemandu lori.<sup>12</sup> Didapati bahawa PKMlah yang berada di sebalik kekacauan yang berlaku dalam pelbagai sektor ekonomi tersebut dengan niat untuk menimbulkan kekacauan dalam ekonomi negara melalui penguasaan ke atas pekerja. Ketidakstabilan ekonomi yang wujud itu boleh menjejaskan kekuatan ekonomi British dan seterusnya PKM boleh merampas pentadbiran negara ini daripada British.

Antaranya pemogokan telah berlaku di Bukit Changkang, Selangor yang melibatkan 300 orang pekerja di Kin Chin Saw Mill, dari 1 Januari 1937 hingga 3 Januari 1937. Mogok berakhir apabila pihak majikan menjanjikan kenaikan gaji sebanyak 15%. Pemogokan juga berlaku di Kilang Getah Sham Yip Leung, Klang, Selangor di antara 6 Januari 1937 hingga 15 Januari 1937. Mogok itu berakhir setelah dijanjikan peningkatan gaji dari 7.5% ke 30%. Begitu juga, mogok sehari berlaku di Kepong Tin Dredging Company, Selangor pada 16 Januari 1937 yang disebabkan timbul salah faham yang dibangkitkan oleh penghasut.<sup>13</sup> Sementara itu, pekerja-pekerja di lombong arang di Batu Arang, Selangor turut mogok. Atas hasutan komunis, pada Mac 1937 seramai 6,000 orang pekerja telah mogok dan seterusnya mengambil alih lombong itu. Pihak komunis berjaya menduduki kawasan ini untuk hampir sejam. Mereka membunuh lima orang, menyerang stesen polis, mengurung lebih daripada 50 orang dalam stesen keretapi lombong untuk lebih kurang setengah jam dan memusnahkan jentera-jentera perlombongan. Keadaan akhirnya dapat dipatahkan dengan bantuan ketenteraan dari Taiping, Perak yang bergegas ke kawasan lombong berkenaan.<sup>14</sup> Dalam perkembangan lain, sejak 27 Mac 1937 satu siri pemogokan mengambil tempat di estet-estet di Johor. Pada 27 Mac 1937, 67 daripada 800 orang pekerja di Estet Paya Lang, Batu Anam, Johor berhenti kerja. Pekerja-pekerja Cina Kantonis itu kembali bekerja pada 28 Mac 1937 setelah dijanjikan gaji minimum 80 sen sehari. Beriklutnya, pada 28 Mac 1937, 88 orang pekerja Cina Hailam lain berhenti kerja untuk sebab-sebab yang tidak jelas. Mereka kembali semula bekerja pada 30 Mac 1937.<sup>15</sup> Dalam kejadian lain di Seremban, Negeri Sembilan, pemogokan telah dilakukan oleh pembuat terompah pada 1 Mei 1937. Kerja dipulihkan pada 3 Mei 1937 setelah dijanjikan kenaikan gaji 10% oleh majikan.<sup>16</sup>

Peristiwa lain yang turut menjadi tumpuan PKM ialah Perang China-Jepun yang meletus di China pada tahun 1937 berikutan pencerobohan Jepun ke atas China. Perkembangan ini telah memberikan peluang yang baik kepada PKM di Tanah Melayu untuk menguatkan diri dan mendapat sokongan daripada penduduk Cina. Penyerangan Jepun ke atas China turut menaikkan semangat kebangsaan orang Cina di Tanah Melayu. PKM segera mengeksploitasikan semangat kebangsaan orang Cina terhadap negara China untuk meluaskan pengaruh komunis dengan menganjurkan dan mendalangi beberapa kempen anti-Jepun. Dalam kempen anti-Jepun telah jelas memperlihatkan hasutan pihak komunis dalam usaha menimbulkan huru-hara di Tanah Melayu. Antaranya, pada 29 November 1937, di Melaka seorang perempuan dicurahkan dengan tar ketika beliau meninggalkan sebuah kedai. Ini disebabkan beliau dituduh membeli barangan Jepun dari kedai berkenaan. Berikutan itu, dengan cepatnya sekumpulan kanak-kanak mengelilinginya dan mengejeknya. Manakala, pada 4 Disember 1937, sebuah bom dilemparkan ke dalam auditorium panggung wayang di *Fun and Frolic Amusement Park*, Pulau Pinang kerana dikatakan rombongan pelakon yang membuat persembahan itu adalah mereka yang pro-Jepun. Bom itu terkena kepala seorang penonton Cina dan membunuhnya. Dalam kejadian lain, pada 28 Disember 1937, sebuah lori yang penuh dengan muatan barangan dari Kuala Lumpur telah diperiksa sama ada membawa barangan Jepun. Barang-barang itu diluluskan oleh pemeriksa tetapi kemudiannya sebahagian daripada muatan gula dalam lori itu dituduh adalah berasal dari Jepun. Oleh itu, pemeriksa itu diserang dan dikedam sebagai pembelot. Di Alor Setar pula, pada 20 Julai 1938, lima beg kacang soya yang tiba dari Pulau Pinang dengan lori telah ditolak kerana dipercayai adalah barangan Jepun. Begitu juga, pada 15 Ogos 1938, kedai Chop Kwong Yee Lung di Kampar dan Gopeng, Perak, diperiksa dan kerannya didakwa menerima barangan Jepun. Ini kerana 20 beg kacang soya yang diimport dari Singapura dikatakan adalah barangan Jepun.<sup>17</sup>

### **Strategi PKM pada zaman Pendudukan Jepun, 1941-1945**

Penaklukan Jepun di Tanah Melayu bermula dengan pendaratan tentera Jepun di Singora dan Patani, Thailand serta di Kota Bharu, Kelantan pada 8 Disember 1941. Kejatuhan Singapura ke tangan Jepun pada 15 Februari 1942 menandakan bermulalah zaman pendudukan Jepun di Tanah Melayu. Semasa Jepun meluaskan kuasa di Tanah

Melayu, sekali lagi strategi Barisan Bersatu telah digunakan oleh PKM untuk bekerjasama dengan British bagi menentang Jepun. Walaupun cadangan kerjasama PKM itu telah ditolak oleh British pada awalnya kerana pada masa lepas PKM menimbulkan banyak masalah kepada kerajaan dan merancang mengambil alih kuasa di Tanah Melayu daripada British. Bagaimanapun, apabila Jepun menyerang Tanah Melayu pada 8 Disember 1941, British akhirnya telah menerima tawaran PKM dengan berasaskan kerjasama militari dan bukan kerjasama politik. Dengan itu, PKM berganding bahu dengan British untuk tujuan yang sama, iaitu menentang penguasaan Jepun.

Strategi Barisan Bersatu PKM-British telah mencapai persetujuan dimana British menyediakan latihan ketenteraan dan PKM menyediakan tenaga manusia untuk dilatih. Berikutnya, PKM telah menghantar pemudapemuda Cina sebagai pelatih di *101 Special Training School* (101 STS) di Singapura berikutan dengan satu rundingan sulit antara Loi Tek, Setiausaha Agung PKM dengan wakil British, Mejar Chapman. Pelatih-pelatih itu telah latihan tentera daripada British dan juga mempunyai hubungan yang baik dengan Pasukan 136 (*Force 136*) yang ditubuhkan oleh British sebelum mereka berundur dari Singapura. Hasil kerjasama itu telah terbentuknya kumpulan yang dikenali sebagai *Malayan People's Anti-Japanese Army* (MPAJA) atau 'Bintang Tiga'. Pada masa yang sama, untuk membantu perjuangan MPAJA menentang pemerintahan Jepun, British juga bersetuju memberi bantuan makanan, senjata, wang dan perubatan kepada mereka bagi menentang Jepun selain latihan ketenteraan.<sup>18</sup> Rejimen pertama MPAJA dibentuk pada 10 Januari 1942 di Serendah, Selangor dan diikuti dengan tujuh rejimen yang lain. Rejimen-rejimen itu ialah *First Independent Regiment* di Selangor, *Second Independent Regiment* di Negeri Sembilan, *Third Independent Regiment* di Johor Utara dan Melaka, *Fourth Independent Regiment* di Selatan Johor, *Fifth Independent Regiment* di Perak dan Kelantan, *Sixth Independent Regiment* di Pahang Barat, *Seventh Independent Regiment* di Pahang Timur (kawasan pergerakannya juga merangkumi Kelantan dan Terengganu) serta *Eight Independent Regiment* di Kedah dan Perlis.<sup>19</sup>

Pendudukan Jepun telah memberikan PKM pengalaman berperang secara gerila terhadap Jepun melalui kerjasama British melalui Pasukan 136. Jika dilihat dari kepentingan jangka panjang perjuangannya, PKM lebih beruntung melalui strategi Barisan Bersatu dengan British pada zaman pendudukan Jepun. Ini kerana mereka memperoleh bantuan senjata, latihan, kewangan, bekalan logistik dan perubatan daripada pihak British. Di samping itu, PKM menjadi lebih popular dalam kalangan orang Cina kerana penglibatannya dalam menentang tentera Jepun melalui MPAJA. Bagi orang Cina, penubuhan MPAJA telah menyediakan perlindungan kepada mereka daripada penindasan tentera Jepun. Dengan itu, orang Cina telah memberikan sokongan kepada MPAJA dengan membekalkan bahan makanan, wang, maklumat dan rekrut. Menerusinya juga, PKM berjaya memperluaskan pengaruhnya dalam kalangan rakyat khususnya orang Cina.<sup>20</sup> Dengan itu, dapat dilihat bahawa strategi Barisan Bersatu yang digunakan oleh PKM telah memberi keuntungan kepada perjuangan mereka pada zaman pendudukan Jepun dari segi memperkuat barisan tentera dan sokongan daripada penduduk.

### Strategi PKM selepas perang, 1945-1948

Perang Dunia Kedua berakhir setelah Jepun menyerah kalah pada 15 Ogos 1945. Pada ketika itu, strategi kekerasan mula digunakan oleh PKM di negeri-negeri Melayu. Ini dapat dilihat dimana selepas Jepun tewas, komunis telah keluar dari hutan dan melakukan banyak kekacauan serta kezaliman terhadap mereka yang bersubahat dengan Jepun. Komunis masuk ke kampung dan pekan, menangkap mereka yang dianggap sebagai persubahat Jepun, mengadakan perbicaraan dan melakukan kezaliman. Dilaporkan MPAJA telah membunuh lebih kurang 2,542 orang Cina, Melayu, India dan lain-lain yang dianggap sebagai tali barut Jepun.<sup>21</sup>

Kezaliman tersebut mencapai kemuncak dan membawa kepada pergaduhan apabila orang Melayu membalas serangan MPAJA dengan menyerang orang Cina yang sebangsa dengan komunis. Antaranya, di Sungai Manik, Batu Kikir, Perak, orang Melayu mengamuk terhadap orang Cina kerana MPAJA masuk ke kampung dan menangkap ayam, mengambil sayur-sayuran dengan membawa senapang patah.<sup>22</sup> Di beberapa tempat seperti Kuala Lipis dan Bentong (Pahang), Banting (Selangor) serta Kota Bharu (Kelantan), komunis telah melakukan keganasan ke atas penduduk tempatan, merompak mereka dan merampas rumah mereka. Di Ulu Jempul, Negeri Sembilan, komunis bersenjata telah memasuki kampung-kampung untuk menubuhkan pertubuhan, mengutip yuran keahlian dan derma, memberi ceramah-ceramah serta menyebarkan propaganda anti-British. Malahan, mereka telah menduduki Gua Musang dan Kota Bharu di Kelantan dan beberapa bandar serta kampung lain dengan mengisytiharkan diri mereka sebagai 'tuan'. Mereka juga mengganas terhadap penduduk tempatan, merampas barangan dan harta penduduk secara kekerasan. Komunis turut mendirikan sekatan jalan, menghentikan keretapi dan bas, memeriksa setiap kenderaan dan penumpang serta pejalan kaki, memasuki kampung-kampung Melayu dan Cina dengan tujuan untuk mencari polis, detektif, penyampai-penyampai maklumat dan persubahat Jepun.<sup>23</sup> Strategi keganasan yang dilakukan oleh komunis itu seolah-olah untuk menunjukkan kepada masyarakat bahawa

mereka bertindak untuk membela nasib golongan yang dikejami oleh Jepun dan persubahatunya. Melalui itu juga pergerakan PKM boleh memperoleh simpati dan sokongan daripada penduduk.

Apabila British Administration Army (BMA) mengambil alih pentadbiran di Tanah Melayu, pasukan MPAJA telah dibubarkan pada 1 Disember 1945 sebagai langkah untuk memulihkan keamanan dan ketenteraman. Walau bagaimanapun, PKM dibenarkan bergerak bebas di Tanah Melayu kerana kerjasamanya dengan British ketika Perang. Apabila diketahui British akan kembali mentadbir semula di Tanah Melayu, PKM telah menggunakan propaganda anti-penjajahan untuk mencapai kesepakatan dengan pergerakan-pergerakan kiri bagi menghalang penguasaan British. Dalam keadaan ini, PKM telah mengatur strategi Barisan Bersatu untuk mempengaruhi beberapa pertubuhan kiri dengan perjuangan menentang penjajah British. Pertubuhan yang dipengaruhi termasuklah *New Democratic Youth League* (NDYL), *General Labour Union* (GLU), Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM), *Malayan Democratic Union* (MDU), Hisbul Muslimin dan Saberkas (Kedah). PKM kemudian turut menjadi tenaga penggerak utama dalam gabungan golongan kiri Pusat Tenaga Rakyat (PUTERA)- *All Malayan Council of Joint Action* (AMCJA), dengan harapan gabungan ini dapat bekerjasama dan berganding bahu untuk menentang British dan seterusnya ke arah mencapai matlamat PKM. Untuk itu, mereka berusaha menggagalkan rancangan politik yang diwujudkan oleh pihak British, iaitu *Malayan Union* pada April 1946. Namun demikian, dengan tertubuhnya Persekutuan Tanah Melayu pada 1 Februari 1948, PKM menyedari bahawa strategi perjuangannya tidak berjaya untuk menghalang British kembali berkuasa di Tanah Melayu.

Seterusnya, komunis mempraktikkan strategi Barisan Bersatu dalam kalangan golongan pekerja. Untuk itu, komunis telah mendalangi mogok pekerja sehingga menimbulkan kegelisahan dalam kalangan majikan. Pihak Pejabat Tanah Jajahan melaporkan di Tanah Melayu pada tahun 1947, telah berlaku 360 kejadian mogok dan pertelingkahan buruh yang melibatkan jumlah 69,217 orang pekerja.<sup>24</sup> Bagi pihak komunis, tindakan itu dapat mengganggu perkembangan ekonomi Tanah Melayu dan kehidupan harian penduduk. Dengan itu, komunis dapat memperkuatkan barisan perjuangan mereka kerana penduduk yang hilang keyakinan terhadap pentadbiran British akan menyokong perjuangan mereka. Seterusnya, pihak komunis dapat mencapai cita-cita politik mereka, iaitu penubuhan sebuah republik komunis di Tanah Melayu. Pada ketika itu, PKM telah dapat mempengaruhi *Pan-Malayan Federation of Trade Union* (PMFTU). Hampir keseluruhan pegawai-pegawai PMFTU terdiri daripada anggota komunis yang langsung tidak mempunyai apa-apa pengalaman dalam kerja-kerja di lombong, estet dan kilang. Mereka diletakkan di situ untuk membantu PKM memperoleh kawalan dalam kesatuan-kesatuan sekerja di peringkat negeri dan pusat. Sementara itu, daripada laporan kerajaan, didapati sehingga Jun 1948, lebih kurang 117 daripada 289 kesatuan sekerja yang didaftarkan adalah dikawal oleh PMFTU yang dipengaruhi oleh komunis. Manakala, bakinya iaitu 86 buah adalah bebas daripada pengaruh PMFTU dan 86 buah lagi adalah diragui kedudukannya.<sup>25</sup>

Berdepan dengan keadaan huru-hara dan kekacauan dalam kalangan pekerja dan peningkatan bukti bahawa pihak komunis menggunakan kesatuan sekerja untuk tujuan politik, pihak pemerintah telah bertindak tegas menangani hal tersebut dan undang-undang yang bersangkutan telah digunakan sepenuhnya. Antara lainnya ialah menguatkuasakan undang-undang seperti *Trespass Law* yang melarang para pegawai kesatuan sekerja dari memasuki kawasan ladang dan tempat kerja untuk berucap atau mengorganisasikan para pekerja.<sup>26</sup> Pendaftaran kesatuan sekerja juga diwajibkan dengan tujuan supaya kerajaan dapat mengawal aktiviti-aktiviti kesatuan sekerja. Dengan itu, kesatuan-kesatuan sekerja tidak dapat digunakan sebagai pusat penyebaran propaganda komunis.<sup>27</sup> Seterusnya, pada 31 Mei 1948, kerajaan Persekutuan telah meluluskan undang-undang yang dikenali sebagai *Trade Unions Ordinance No. 9 of 1948*. Ordinan ini menghadkan persekutuan kesatuan-kesatuan sekerja kepada persekutuan berdasarkan perniagaan, pekerjaan dan industri yang sama serta memastikan pemimpin dalam kesatuan sekerja tidak mempunyai rekod kesalahan jenayah termasuk pernah terlibat dalam pemerasan dan ugutan.<sup>28</sup> Tindakan kerajaan itu telah menyebabkan penguasaan komunis dalam kesatuan sekerja semakin lemah dan banyak kesatuan yang tidak layak didaftarkan dengan kerajaan kerana tidak memenuhi syarat-syarat tersebut.

### **Strategi PKM pada zaman Darurat, 1948-1960**

Jawatankuasa Pusat PKM dalam perjumpaannya pada Mac dan awal Jun 1948 telah mengambil keputusan untuk melancarkan pergerakan bersenjata, iaitu menggunakan strategi kekerasan dan keganasan sebagai meneruskan usaha menubuhkan republik komunis di Tanah Melayu setelah strategi lain tidak berjaya. Berikutnya, pada 16 Jun 1948, komunis telah membunuh tiga orang peladang Eropah di Sungai Siput, Perak, iaitu Arthur Walker (Pengurus Ladang Elphil), John Allison dan pembantunya, Ian Christian dari Estet Phin Soon. Berikutnya, pada petang 16 Jun 1948, Sir Edward Gent, selaku Pesuruhjaya Tinggi British di Tanah Melayu terpaksa mengisytiharkan Undang-

Undang Darurat, meliputi kawasan Ipoh dan Sungai Siput, Perak serta daerah Kluang, Muar, Kulai dan Plentong di Johor. Pada hari keesokannya, Undang-Undang Darurat dilanjutkan meliputi keseluruhan dua negeri tersebut. Seterusnya pada 18 Jun 1948, Undang-undang Darurat dikuatkuasakan di seluruh Tanah Melayu.<sup>29</sup> Dengan itu, strategi kekerasan dan keganasan yang dilancarkan oleh komunis telah membawa Tanah Melayu memasuki zaman darurat yang berlanjutan selama lebih 12 tahun.

Setelah darurat dikuatkuasakan, PKM telah mempergiatkan pergerakan dan pada masa yang sama Jawatankuasa Pusat PKM menetapkan tiga strategi perjuangannya untuk membantu mencapai matlamat mereka. Pertama, komunis menyerang kawasan sumber ekonomi penting (lombong bijih timah dan estet getah); menyerang pondok-pondok polis dan kampung-kampung terpencil. Kedua, PKM bertindak mengukuh dan menambah bilangan askar dengan melatih kadet-kadet baru dengan bantuan *Min Yuen* (gerakan massa). Ketiga, komunis menyerang kawasan-kawasan yang lebih strategik seperti pekan-pekan, memusnahkan perhubungan dan pengangkutan serta sabotaj ke atas kepentingan-kepentingan ekonomi British.<sup>30</sup> Berpegang kepada strategi pergerakan yang digariskannya, PKM telah mengatur strategi untuk menghalau British dari Tanah Melayu dan seterusnya menguasai Tanah Melayu. Untuk itu, komunis telah melakukan pelbagai kegiatan yang menimbulkan kekacauan, ketakutan dan ketidakteraman dalam masyarakat dan negara. Antara kegiatan kekerasan dan keganasan yang dilakukan oleh komunis termasuklah serangan ke atas orang awam, baik orang Cina, Melayu, India mahupun Orang Asli; membakar kampung, menyerang estet getah dan lombong timah, menyerang pasukan keselamatan, membunuh peladang dan pelombong Eropah serta mensabotaj sistem perhubungan. Tindakan komunis itu telah mendatangkan kesusahan kepada penduduk, melemahkan kekuatan ekonomi orang perseorangan dan kerajaan British serta menimbulkan keadaan huru-hara di seluruh negara.

Strategi kekerasan dan keganasan yang dilakukan oleh komunis dapat dilihat melalui peristiwa yang berlaku pada 14 September 1948 dimana 12 orang Melayu yang sedang membersihkan rumput di Estet Chan Kang Swee, Segamat, Johor, ditembak oleh empat orang komunis, menyebabkan seorang orang Melayu mati dan dua cedera.<sup>31</sup> Dalam perkembangan lain, pada Julai 1949, di Cameron Highlands, Pahang, komunis menyerang Orang Asli yang sedang bekerja di kebun getah dan mengakibatkan 11 Orang Asli terbunuh.<sup>32</sup> Pada 8 Jun 1950 pula, 23 orang Cina cedera apabila komunis melemparkan sebutir bom tangan ke dalam sebuah kedai runcit di Nibong Tebal, Seberang Prai.<sup>33</sup> Sementara itu, pada November 1952, enam orang komunis menyerbu sebuah kampung Melayu di Negeri Sembilan. Mereka merompak sepucuk senapang patah dari seorang pekedai Melayu dan membunuh seorang ketua *Home Guard* Melayu.<sup>34</sup> Dalam kejadian lain, pada 25 Ogos 1954, dua orang pekerja estet berbangsa India diikat pada pokok dan perut dibelah oleh komunis di Estet Dovenby, Sungai Siput, Perak.<sup>35</sup> Manakala, pada 9 Mac 1955, 12 orang komunis melarikan tujuh Orang Asli dan kemudian empat daripadanya dibunuh. Kejadian itu berlaku ketika Orang Asli sedang menangkap ikan di Sungai Landor di Chenderiang, Ipoh, Perak.<sup>36</sup> Kejahatan dan keganasan yang dilakukan oleh komunis itu telah menyebabkan penduduk hidup dalam kebimbangan, ketakutan dan menderita.

Selain bertindak ganas terhadap orang awam, komunis juga membakar rumah-rumah penduduk yang menyebabkan mereka kehilangan tempat tinggal. Antaranya, pada pagi 26 Julai 1948, setengah daripada kampung Pantai Remis, Sitiawan, Perak musnah dibakar oleh komunis tanpa sebab yang jelas dan mengakibatkan kira-kira 500 orang penghuni kehilangan tempat tinggal.<sup>37</sup> Pada 4 Februari 1950, lebih kurang 70 orang komunis telah membakar Kampung Simpang Tiga, Perak, menyebabkan lebih kurang 1,000 orang penduduk kehilangan tempat tinggal. Kerosakan dianggarkan lebih daripada ¼ juta ringgit dan mengorbankan dua nyawa penduduk.<sup>38</sup> Dalam kejadian lain, pada 22 November 1950, seorang Cina terbunuh akibat tindakan komunis membakar 30 buah rumah setinggan berdekatan dengan Kampung Bukit Selambu, Sungai Petani, Kedah. Kejadian itu mengakibatkan lebih kurang 200 orang penduduk kehilangan tempat tinggal.<sup>39</sup>

Komuniti di estet dan lombong juga sering berdepan dengan serangan komunis. Ini selaras dengan strategi komunis untuk membawa ekonomi negara ke arah tidak berkembang dan menyebabkan pengangguran berleluasa, maka pekerja yang hilang keyakinan kepada pihak kerajaan dapat dipengaruhi oleh komunis dengan mudah. Untuk tujuan itu, kuantiti getah yang banyak telah dicuri dan beribu-ribu pokok getah dirosakkan untuk mengelakkan daripada menghasilkan susu getah. Alat-alat jentera dan mesin-mesin lombong turut dirosakkan oleh komunis. Tempat-tempat tinggal pekerja di estet dan lombong, rumah asap serta rumah pengurus dibakar. Begitu juga, pekerja-pekerja estet dan lombong ditakut-takutkan dan kadangkala dibunuh bagi menyekat mereka daripada terus bekerja. Sejak bermulanya zaman darurat sehingga Jun 1949 (tempoh setahun), terdapat 18 serangan komunis ke atas estet yang menyebabkan 25 orang pekerja dan kontraktor terbunuh serta enam orang penoreh diculik oleh komunis. Manakala, dalam tempoh yang sama, bangunan yang dirosakkan oleh komunis termasuklah 15 buah rumah kongsi, tiga buah rumah kontraktor, sembilan buah rumah asap, sebuah kilang estet, tiga buah bangsal

dan setor, dua buah sekolah dan dua kedai di estet.<sup>40</sup> Sementara itu, pada tahun 1950 sahaja, bangunan yang dirosakkan oleh komunis di estet termasuk rumah asap, pejabat, kilang getah, tempat tinggal pekerja adalah dianggarkan bernilai hampir \$5½ juta dan lebih kurang 300,000 pokok getah turut ditakik oleh komunis.<sup>41</sup> Sementara itu, di antara 1948 hingga 1956 (sembilan tahun), 80 buah lombong telah diserang oleh komunis di enam buah negeri iaitu Perak, Selangor, Pahang, Johor, Terengganu dan Negeri Sembilan. Dalam tempoh tersebut, 97 kali lombong diserang oleh komunis dan 53 orang menjadi mangsa pembunuhan komunis dengan 56 orang dcederakan.<sup>42</sup> Tindakan komunis itu telah mengganggu punca pencarian rezeki penduduk dan turut melemahkan kekuatan ekonomi negara.

Dalam usaha komunis mengganggu perkembangan ekonomi di Tanah Melayu, peladang Eropah turut menjadi sasaran keganasan komunis. Sepanjang zaman darurat di Tanah Melayu, sejumlah 99 orang peladang Eropah dan kakitangannya telah menjadi mangsa keganasan komunis.<sup>43</sup> Antara kejadian serangan komunis ke atas peladang Eropah telah berlaku pada 15 Oktober 1948 yang mengakibatkan Jack Moss, penolong pengurus Estet Jerantut, Kuala Lipis, Pahang, mati ditembak oleh komunis ketika mangsa sedang menjalankan penyeliaan di estet.<sup>44</sup> Pada 14 Februari 1949, F.P.W. Harrison, dari Estet Somme, Terap, Kulim, Kedah, mati akibat serangan hendap komunis.<sup>45</sup> Selain itu, pada 10 Januari 1951, penolong pengurus Estet Brooklands, Banting, Kuala Langat, Selangor, W.J. Shaw, ditembak mati oleh komunis ketika mangsa sedang menunggang basikal di kawasan estet bersama pembantunya, A.N. Symons yang mengalami kecederaan.<sup>46</sup> Sementara itu, pada 12 Januari 1954, John Basil Ritson, pengurus Estet New Rompin ditembak mati oleh komunis di Bahau, Negeri Sembilan.<sup>47</sup> Manakala, pada 16 November 1955, dua orang peladang Eropah cedera parah setelah diserang hendap oleh komunis di kawasan Lenga, Johor, ketika sedang memeriksa kerja pembukaan estet baru.<sup>48</sup>

Pasukan keselamatan di Tanah Melayu turut dicabar oleh komunis pada zaman darurat. Pasukan keselamatan berdepan dengan serangan komunis dan balai-balai polis di kawasan terpencil turut menjadi sasaran komunis. Serangan dilakukan ke atas pasukan keselamatan supaya wujud keadaan huru-hara dan menunjukkan ketidakupayaan mereka dalam melindungi penduduk dan negara. Antaranya, pada 8 Mac 1949, komunis menyerang sebuah jip tentera di selatan Kajang, Selangor dan mencederakan seorang tentera.<sup>49</sup> Dalam perkembangan lain, Balai Polis Bukit Kepong di hulu Sungai Muar, Johor diserang oleh segerombolan komunis pada 22 Februari 1950. Kejadian itu mengakibatkan seramai 23 anggota polis dan keluarga mereka terkorban serta Balai Polis Bukit Kepong musnah dibakar oleh komunis.<sup>50</sup> Sementara itu, pada 21 Februari 1952, sebuah kenderaan polis diserang hendap oleh komunis di kawasan Taiping, Perak. Dalam kejadian itu, tiga anggota polis cedera dan dua daripadanya mengalami kecederaan parah.<sup>51</sup> Dalam kejadian lain, Balai Polis Chuan Seng di Pontian, Johor musnah dibakar oleh komunis pada 18 Oktober 1954. Ketika kejadian itu, komunis turut membunuh empat orang polis dan mencederakan tujuh yang lain.<sup>52</sup> Manakala, pada 20 November 1955, 100 orang komunis menyerang sebuah kampung baru di Cameron Highlands, Pahang. Dalam kejadian itu, seorang anggota polis dibunuh dan 36 pucuk senjata dirampas oleh komunis dari stesen polis di kawasan berkenaan.<sup>53</sup>

Pada zaman darurat, komunis turut menggunakan strategi mensabotaj sistem perhubungan seperti keretapi dan kenderaan jalan. Landasan keretapi kerap kali dirosakkan, keretapi diserang, ditembak dan dibomkan oleh komunis. Begitu juga, sabotaj komunis ke atas kenderaan jalan seperti bas, lori dan kereta sering berlaku. Keadaan ini mengancam nyawa pengguna jalan raya dan penumpang keretapi serta menjejaskan perkhidmatan sistem perhubungan. Sejak tercetusnya penganasan komunis pada Jun 1948 sehingga tamatnya zaman darurat pada Julai 1960, telah berlaku sebanyak 387 sabotaj komunis ke atas keretapi termasuklah kejadian komunis menggelincirkan keretapi, keretapi ditembak dan stesen keretapi dirosakkan. Kejadian tersebut mengakibatkan 45 orang penumpang terbunuh dan 176 orang cedera. Sementara itu, 18 orang kakitangan perkhidmatan keretapi terbunuh dan 42 orang cedera dalam serangan komunis tersebut.<sup>54</sup> Manakala, jumlah kejadian komunis membakar dan memusnahkan kenderaan jalan (bas, lori dan kereta) adalah 208 pada tahun 1951 dan 97 kes pada tahun 1952.<sup>55</sup> Sejak Undang-undang Darurat dikuatkuasakan sehingga 1950, sejumlah 149 buah bas dimusnahkan oleh komunis dan penumpang dirompak.<sup>56</sup> Kejadian-kejadian itu biasanya berakhir dengan penumpang dirompak wang dan barangan atau makanan, kemudian kenderaan itu dibakar oleh komunis. Dalam kejadian itu, kadangkala penumpang dan pemandu juga tidak dapat terlepas daripada kecederaan dan kematian.

Walaupun strategi kekerasan dan keganasan yang dilakukan oleh komunis telah menimbulkan kebimbangan, kerugian dan penderitaan kepada semua pihak, tetapi strategi itu tidak berjaya dalam mencapai matlamat PKM. Ini kerana strategi perjuangan PKM itu tidak dapat diterima oleh penduduk, sebaliknya penduduk memberi kerjasama kepada kerajaan dalam membanteras komunis. Justeru itu, pada 31 Julai 1960, kerajaan telah dapat mengisytiharkan tamatnya zaman darurat.

## PKM antara tahun 1960 sehingga 1968

Setelah tamatnya zaman darurat pada 31 Julai 1960, saki baki anggota komunis telah lari berlindung di kawasan Selatan Thailand. Kawasan tumpuan PKM di Selatan Thailand ialah di sekitar Songkhla, Yala, Narathiwat dan Patani. Di situ, PKM tidak berdiam diri sahaja tetapi berusaha mengumpul kekuatan semula melalui pengambilan rekrut-rekrut baru dan penyusunan semula saki baki anggota komunis. Pada masa yang sama, mereka turut mengambil kesempatan daripada perubahan politik semasa yang berlaku di Semenanjung Malaysia bagi meningkatkan sokongan dari rakyat Malaysia. Dari gagasan Malaysia kepada penubuhan Malaysia pada 16 September 1963, PKM menentanginya. Pandangan PKM terhadap penubuhan Malaysia dapat dijelaskan melalui satu pengumuman yang dibuat oleh PKM kepada orang awam. Pada 20 September 1963, iaitu selepas empat hari Malaysia dibentuk, PKM telah mengumumkan hasratnya untuk kembali menjalankan pergerakan bersenjata dengan strategi kekerasan dan keganasan dimana PKM menegaskan bahawa Malaysia sebagai satu penjajahan bentuk baru (*neo-colonialism*) itu mesti dihancurkan. PKM berpendapat Malaysia adalah pakatan British-Tunku Abdul Rahman, maka perjuangan mereka perlu dilakukan untuk mencapai pembebasan kebangsaan bagi Kalimantan Utara dan Semenanjung Malaysia.<sup>57</sup>

Justeru itu, apabila Indonesia melancarkan konfrontasi terhadap Malaysia, PKM mengambil kesempatan menyokong Indonesia dan Parti Komunis Indonesia (PKI). Indonesia di bawah pemerintahan Sukarno menentang rancangan Malaysia kerana menyifatkan pembentukan Malaysia sebagai satu pakatan Britain untuk meneruskan 'imperialisme' dan 'neo-kolonialisme' di Asia Tenggara dan pembentukannya boleh mengancam keselamatan Indonesia dan seluruh Asia Tenggara. Justeru itu, apabila Malaysia ditubuhkan pada 16 September 1963 Indonesia telah melancarkan konfrontasi dan mengumumkan kempennya 'ganyang Malaysia'.<sup>58</sup> PKI pula bimbang kewujudan Malaysia kelak akan menjejaskan strategi menyeluruh komunis di Asia Tenggara dalam usaha meluaskan pengaruh dan menegakkan pemerintahan komunis di rantau ini. Dalam perkembangan itu, PKM menjalin hubungan dengan komunis Indonesia yang bertujuan untuk mendapat senjata, bekalan dan latihan yang kemudian membolehkan mereka kembali mendirikan kawasan pangkalan di Malaysia. Sementara itu, PKM dan PKI saling berhubung untuk menjayakan hasrat bersama mereka dan sejumlah kader PKM dihantar ke Indonesia untuk mendapat latihan ketenteraan. PKM juga menyatakan hasratnya untuk meneruskan perjuangannya berganding bahu dengan Indonesia (iaitu PKI) dan menyokong satu sama lain dalam berjuang menentang 'tipu muslihat' penjajahan baharu 'Malaysia' itu.<sup>59</sup>

Bagaimanapun, gagalnya pemberontakan PKI dan Gerakan 30 September 1965 (peristiwa Gestapu),<sup>60</sup> bukan sahaja ratusan ribu anggota komunis termasuk pemimpinnya, Aidit dan penyokong PKI dibunuh, serta puluhan ribu rakyat yang tidak berdosa turut terkorban, malahan politik Indonesia turut berubah. Presiden Sukarno sebagai Ketua Pemerintahan telah dianggap bertanggungjawab sepenuhnya menimbulkan Gestapu tersebut, akhirnya Sukarno digulingkan dari jawatan Presiden Indonesia. Berikutnya, kerajaan orde baru pimpinan Jeneral Suharto dengan segera telah mengambil tindakan mengamankan negara dan menamatkan konfrontasi terhadap Malaysia. Dengan itu, hancurlah harapan PKM untuk menggunakan konfrontasi bagi membolehkan mereka melancarkan tentangan di Malaysia bersama PKI.<sup>61</sup> Walaupun sejak tahun 1966, hubungan persahabatan antara Indonesia dan Malaysia telah dipulihkan, tetapi Malaysia berdepan dengan munculnya semula gerakan bersenjata komunis dalam negaranya.<sup>62</sup>

Ketika menyambut ulang tahun ke-20 gerakan bersenjata PKM pada 1 Jun 1968, Jawatankuasa Pusat PKM mengeluarkan kenyataan yang menegaskan bahawa dalam masa 20 tahun lalu, PKM telah mendapat banyak pengalaman dan pengajaran penting dari perjuangan mereka untuk menguasai Malaysia. Ditegaskan lagi oleh PKM bahawa pengalaman juga telah mengajarkan mereka bahawa kekuasaan politik dari sesuatu negara itu hanya boleh diperoleh melalui kekuatan senjata atau pertumpahan darah. Di samping itu, PKM juga menegaskan pentingnya 'Tentera Rakyat' kerana rakyat tidak akan mempercayai sepenuhnya terhadap kerajaan, kecuali mereka diajak turut bersama dalam medan perjuangan.<sup>63</sup> Selaras itu juga, PKM mengisytiharkan untuk meneruskan perjuangan bersenjata kerana hanya dengan kekuatan senjata sahaja, pihak komunis akan dapat menguasai Malaysia. Dalam hal ini, Jawatankuasa Pusat PKM telah mengeluarkan kenyataan berbunyi 'hold high the great red banner of armed struggle and valiantly march forward'.<sup>64</sup> Selain itu, melalui sebuah kenyataan yang dipetik oleh Syarikat Berita Hsin Hua dari Peking pada 1 Jun 1968 turut menyebut Jawatankuasa Pusat PKM telah membuat pengisytiharan bahawa partinya berazam memperhebatkan perjuangannya dalam segala bidang, khususnya perjuangan bersenjata, sehingga tercapai kemenangan muktamad.<sup>65</sup> Daripada pernyataan tersebut jelas bahawa PKM telah yakin terhadap kekuatan ketenteraannya dan berpendapat masa yang sesuai telah tiba untuk mereka meneruskan semula pergerakan bercorak kekerasan dan keganasan di Semenanjung Malaysia.

Berdasarkan keputusan tersebut, pada 17 Jun 1968, komunis memulakan semula strategi kekerasan dan keganasan dengan melancarkan serangan pertama di Semenanjung Malaysia. Mereka melintasi sempadan dari Selatan Thailand dan melakukan serangan hendap ke atas pasukan polis Malaysia di Kroh berdekatan Perak. Dengan itu, setelah hampir lapan tahun berdiam diri di kawasan Selatan Thailand, PKM telah kembali semula untuk meneruskan pergerakan bersenjata di Malaysia Barat (Semenanjung Malaysia).

### **Strategi PKM selepas muncul semula di Semenanjung Malaysia, 1968-1989**

Secara umumnya, gerakan bersenjata PKM kali kedua ini adalah berpandukan tiga strategi yang diamalkan oleh Mao Tse-tung dan PKC di negara China yang dirasakan sesuai untuk diterapkan di Semenanjung Malaysia. Tiga strategi ini dijadikan asas kepada kegiatan dan pergerakan komunis dalam era kebangkitan semulanya di Semenanjung. Ini memandangkan hubungan rapat yang terjalin antara pemimpin PKM dengan PKC dan pencapaian PKC di negara China dalam menjadikan China sebagai sebuah republik komunis. Kejayaan PKC itu telah menjadi satu tarikan dan pedoman kepada pergerakan PKM di Malaysia.

Strategi pertama yang diterapkan dalam gerakan PKM di Semenanjung Malaysia adalah menjalankan kegiatan subversif, iaitu menyebarkan ideologi komunis kepada pertubuhan, parti politik, golongan belia dan pelajar supaya bangun menentang dasar-dasar kerajaan. Untuk menjayakan strategi ini, PKM sedar bahawa rakyat memainkan peranan penting kerana pergerakan bersenjata perlu mendapatkan sokongan dan bantuan daripada penyokong-penyokong yang datang dari kalangan rakyat. Mereka juga boleh diarah bagi membantu menjalankan tugas-tugas pengdoktrinan untuk merekrut anggota-anggota baru. Strategi kedua PKM ialah menubuhkan kumpulan militan dan disusun kepada kumpulan-kumpulan kecil yang digerakkan di seluruh negara. Mereka berperanan untuk menyediakan tempat-tempat penyimpanan makanan, menyalurkan maklumat berkaitan aktiviti pasukan keselamatan, mendapatkan bekalan keperluan seperti bahan makanan, perubatan dan kewangan disamping menubuhkan pangkalan-pangkalan terutamanya di kawasan yang pernah menjadi kubu kuat mereka ketika gerakan bersenjata pertama. Kumpulan ini juga diberi tanggungjawab bagi melakukan sabotaj dan pembunuhan ke atas pemimpin-pemimpin tinggi pasukan keselamatan kerana merekalah menjadi pemimpin yang melancarkan gerakan kerajaan untuk menggagalkan perjuangan komunis. Manakala, strategi ketiga PKM adalah meningkatkan aktiviti militan melalui unit-unit penggempur di kawasan pedalaman di Semenanjung Malaysia. Ini merupakan antara matlamat PKM untuk melancarkan semula gerakan bersenjata di Semenanjung. Sebagai persediaan, PKM telah merekrutkan kader-kader baru. Setelah menerima latihan di sempadan Thailand seperti di sekolah-sekolah parti, sebahagian dari mereka diserapkan dalam unit-unit penggempur dan sebahagian lagi dihantar pulang ke Semenanjung Malaysia untuk meneruskan kegiatan bawah tanah.<sup>66</sup>

Dalam melaksanakan strategi perjuangan PKM tersebut, PKM telah dibantu oleh beberapa pasukan dan badan khas yang dibentuknya. Pihak kerajaan memperoleh bukti yang menunjukkan PKM menubuhkan Angkatan Pengawal Muda yang terdiri dari belia-belia berumur 10 hingga 17 tahun. Pasukan kanak-kanak juga dibentuk yang berumur 6 hingga 10 tahun. Mereka diberi syarahan, ceramah dan diminta menyertai majlis-majlis nyanyian untuk mengorientasikan fikiran mereka kepada ajaran Mao Tse-tung. Sementara itu, didapati PKM juga mempunyai cawangan khas yang menjalankan gerakan subversif bagi menimbulkan kacau bilau di dalam negeri. Cawangan khas yang dinamakan Barisan Bersatu Komunis telah cuba menyusup ke dalam kesatuan sekerja, persatuan, sekolah dan parti politik. Cawangan ini didapati telah ditubuhkan di Kuala Lumpur, Pulau Pinang, Melaka, Perak, Negeri Sembilan, Kedah, Pahang, Kelantan dan Terengganu.<sup>67</sup> Barisan Bersatu itu juga mengatur strategi untuk menyerap masuk ke dalam pertubuhan yang berdaftar di negara ini, untuk menghasut dan mengeksploitasi isu-isu sensitif dan masalah orang awam yang boleh menimbulkan perasaan tidak puas hati dalam kalangan ahli-ahli pertubuhan itu bagi menentang kerajaan<sup>68</sup> seperti yang berlaku dalam Peristiwa 13 Mei 1969.

Komunis melalui organisasi bawah tanahnya juga berusaha untuk menyebarkan pengaruh komunis dalam kalangan pelajar. Ini terbukti melalui serbuan pasukan polis ke atas Estet Chuan Seng di Pontian Kechil, Johor pada 16 Jun 1968, seramai 120 orang yang disyaki kader dan penyokong komunis telah berjaya diberkas. Pihak polis kemudian mendapati seramai 17 orang daripadanya adalah penuntut dari sebuah sekolah menengah Cina di Johor Bahru.<sup>69</sup> Selain itu, pihak kerajaan telah berjaya mengesan 20 buah sekolah menengah Cina swasta di Negeri Sembilan, Selangor, Pulau Pinang dan Johor yang dipercayai disusupi oleh anasir-anasir komunis. Begitu juga ramai pelajar-pelajarnya telah ditangkap oleh pihak keselamatan kerana didapati memiliki risalah-risalah komunis.<sup>70</sup> Perkembangan ini menunjukkan unsur komunis telah meresap dalam kalangan pelajar sekolah Cina. Selain itu, Barisan Bersatu komunis juga dilaporkan telah meresap ke dalam kalangan pekerja dan menimbulkan kebimbangan kepada kerajaan bahawa tindakan mereka akan menjejaskan ekonomi negara. Oleh itu, pihak kerajaan telah bertindak

membatalkan pendaftaran empat buah kesatuan sekerja yang dipercayai telah diresapi oleh pengaruh komunis. Kesatuan sekerja berkenaan ialah *Selangor Building Workers Trade Union* (SBWTU), *United Malayan Estate Workers Union* (UMEWU), *Electrical Industry Workers' Union of Malaya* (EIWUM) dan *Pineapple Industry Workers' Union* (PIWU) yang telah dibatalkan pendaftarannya antara tahun 1967 hingga 1968.<sup>71</sup> Tindakan kerajaan ini bertujuan supaya dapat memutuskan hubungan antara komunis dengan para pekerja dan kesatuan sekerja.

Selain itu, pihak kerajaan mendapati PKM telah mempergiatkan strategi untuk mempengaruhi sokongan penduduk Melayu dalam gerakan komunis. Ini kerana PKM mengetahui tentang pentingnya sokongan orang Melayu dalam perjuangan mereka menggulingkan kerajaan secara kekerasan. Untuk menarik perhatian orang Melayu, PKM telah mendakwa bahawa perjuangan mereka adalah sama dengan kegiatan dan perjuangan yang pernah dilakukan oleh nasionalis Melayu pada zaman dahulu. Dalam hal ini, komunis menggunakan agama Islam dan sanggup hadir ke masjid untuk sama-sama bersembahyang dengan masyarakat tempatan. Tindakan komunis ini adalah untuk menunjukkan mereka juga menerima dan mengamalkan ajaran Islam serta menafikan dakwaan yang mengatakan komunis menolak ajaran Islam.<sup>72</sup> Untuk itu, misalnya telah dilaporkan oleh Cawangan Khas dari cawangan Kelantan bahawa gerila-gerila dari Rejimen Ke-10 PKM telah menyusup masuk ke kampung-kampung terpencil di kawasan sempadan negeri Kelantan di daerah Tanah Merah sehingga sejauh kawasan Kemubu di Ulu Kelantan. Menurut laporan itu, komunis biasanya muncul dalam kumpulan 20 orang, hadir di masjid dan membantu penduduk dalam kerja-kerja menoreh getah dan membajak. Selain Kelantan, gerakan komunis yang sama turut dikesan di kawasan Perak Tengah dan Kedah. Begitu juga, turut dilaporkan oleh pihak berkuasa tentang tindakan komunis Melayu telah menyamar sebagai haji dan lebai serta menyusup ke daerah-daerah Batu Melintang dan Jeli, Kelantan, di kawasan sempadan untuk mendapat simpati dari penduduk di situ.<sup>73</sup>

Selaras itu juga, Parti Persaudaraan Islam (PAPERI/*Malayan Islamic Brotherhood Party*) ditubuhkan untuk menarik sokongan padu dalam kalangan orang Melayu kepada pergerakan komunis dengan mengeksploitasikan sentimen agama melalui dakwaannya bahawa komunis tidak bertentangan dengan Islam.<sup>74</sup> Tujuan pembentukan PAPERI sebagaimana yang dinyatakan dalam *Memoir Abdullah C.D. (Bahagian Ketiga)* ialah "Berjuang untuk kemerdekaan penuh, bersatu, bebas dan berdaulat bagi bangsa dan nusa; untuk demokrasi rakyat dan kebebasan agama Islam; untuk kemerdekaan ekonomi dan kemakmuran rakyat; membangun tentera Islam dan untuk berkeperibadian di bidang kebudayaan".<sup>75</sup> Melalui risalah PAPERI bertarikh 29 Disember 1982 berjudul 'Bersatulah Mengikut Jejak Rasulullah, Melawan Ketidakadilan dan Membela Kepentingan Rakyat', PAPERI antara lainnya menyeru umat Islam supaya melancarkan perjuangan 'menentang kerajaan dan menyokong perjuangan bersenjata komunis untuk keadilan, untuk rakyat dan kemerdekaan penuh tanahair'.<sup>76</sup>

Gerakan dakyah komunis dipertingkatkan lagi dengan menggunakan Parti Kebangsaan Melayu Revolusioner Malaya (PKMRM) atau *Revolutionary Malay Nationalist Party* (RMNP) yang ditubuhkan pada 24 Mei 1981 yang bertujuan menyatupadukan golongan sosialis, komunis, nasionalis dan agama. Di sebaliknya, pertubuhan ini digunakan untuk cuba memecahbelahkan bangsa Melayu, pemimpin Melayu, ahli-ahli politik Melayu dan menghancurkan parti politik Melayu yang paling kukuh, iaitu UMNO. Ia juga digunakan oleh pihak komunis untuk memperlagakan rakyat dan sesetengah parti politik Melayu dengan kerajaan, bahawa kerajaan hari ini bukan satu kerajaan Islam. Pada November 1981, PKMRM telah menerbitkan dan menyebarkan risalah berjudul "Islam dan Al-Quran" yang mengandungi tuduhan-tuduhan negatif kerajaan terhadap orang Melayu Islam di negara ini. Antaranya kerajaan dituduh telah menekan golongan yang menjalankan dakwah Islamiah, mengutip zakat dan fitrah secara paksa dari orang Islam dan wang itu didakwa disimpan dalam bank atau dilaburkan untuk kepentingan seseorang, serta mendakwa pentadbiran negara dan dasar kerajaan Barisan Nasional adalah bertentangan dengan ajaran Islam yang sebenar.<sup>77</sup> Dakwaan PKM tersebut jelas menunjukkan pihak komunis menggunakan agama Islam dan nilai-nilai tradisional Melayu dalam usahanya mendapatkan sokongan menentang kerajaan. Taktik dan dakwaan komunis ini juga memperlihatkan kesanggupan mereka memperalatkan isu-isu agama untuk tujuan dan kepentingan komunisme.

Untuk ke arah mencapai matlamat perjuangan PKM, mereka juga meneruskan strategi keganasan, pembunuhan dan sabotaj. Pada 24 Julai 1969, segerombolan komunis mengheret seorang wanita Cina dari rumahnya di sebuah kampung perlombongan terpencil di Sintok, Utara Kedah.<sup>78</sup> Selain itu, dilaporkan juga sekumpulan 10 hingga 12 orang komunis telah melepaskan tembakan ke arah kawasan perumahan para pekerja bagi projek pembinaan Empangan Temenggong di kawasan Ulu Perak pada 9 Disember 1974. Dalam kejadian itu, dua orang telah menjadi mangsa keganasan komunis dan seorang lagi mengalami kecederaan.<sup>79</sup> Manakala, pada 24 April 1977, setiausaha Rukun Tetangga yang berbangsa Cina di Machap Bharu, Melaka dibunuh oleh komunis.<sup>80</sup> Dalam kejadian lain, pada 3 November 1982, seorang penduduk terbunuh (Shariff bin Long) dan dua lagi cedera apabila sekumpulan komunis menyerang lima orang penduduk Kampung Kerdau, berdekatan kawasan kebun getah Paya Sat, kira-kira

satu kilometer dari Pekan Kerdu. Kelima-lima penduduk kampung itu telah pergi ke kebun getah Paya Sat untuk mencari tujuh ekor lembu mereka yang telah hilang sejak empat hari lalu. Mereka terserempak dengan komunis dan ditembak oleh mereka.<sup>81</sup>

Selain itu, komunis juga melakukan serangan hendap terhadap pasukan keselamatan, menyerang kem-kem dan pangkalan tentera, melakukan sabotaj ke atas harta awam serta membunuh pegawai-pegawai kanan pasukan keselamatan. Kejadian pertama yang dilakukan oleh PKM di Malaysia yang menandakan bermulanya gerakan bersenjata kedua PKM ialah kejadian serang hendap yang dilancarkan ke atas 50 orang anggota pasukan polis Malaysia yang sedang menjalankan rondaan di kawasan Kroh-Betong berdekatan pekan Kroh pada 17 Jun 1968. Kejadian komunis itu telah mengakibatkan 17 orang anggota polis terkorban.<sup>82</sup> Selain melancarkan serangan terhadap pasukan polis, komunis juga membakar pondok dan balai polis. Antara kejadian itu telah dilaporkan berlaku pada 29 April 1975 yang melibatkan lima pondok polis di Kuala Lumpur, iaitu di Jalan Stadium, Jalan Pasar Baru, Jalan Brunei Selatan, Kepong Baru dan di persimpangan Jalan Parlimen-Jalan Raja.<sup>83</sup>

Melalui unit-unit bergeraknya, PKM telah melakukan keganasan dan pembunuhan terhadap sasaran utama mereka, iaitu pegawai kanan pasukan keselamatan. Timbalan Penguasa Polis, Wong Lim Hoon dibunuh oleh komunis di Kuala Lumpur pada 18 Januari 1973. Ini diikuti dengan pembunuhan Ketua Inspektor, Chin Chin Kou pada 12 Julai 1973 di Serdang, Kedah dan Detektif Sarjan, Cheng Kek Oh di Sungai Siput, Perak pada 22 Oktober 1973. Pada tahun 1974, berlaku lagi tiga kejadian komunis membunuh pegawai pasukan keselamatan, iaitu Detektif Konstabel, Lee See Kaw di Malim Nawar, Perak pada 3 Januari 1974; Detektif Sarjan Lee Yoon Chin di Melaka pada 20 April 1974 dan Detektif Konstabel, Ong Soon Chua di Chemor, Perak.<sup>84</sup> Manakala, pada pagi 4 Jun 1974, Ketua Polis Negara, Tan Sri Abdul Rahman bin Hashim pula ditembak mati oleh komunis di Kuala Lumpur.<sup>85</sup> Pada 13 November 1975 pula, Ketua Polis Kontinjen Perak, Datuk Khoo Chong Kong ditembak mati oleh komunis di Ipoh.<sup>86</sup>

Selain itu, komunis turut merosakkan kemudahan perhubungan penduduk. Ini dapat dilihat melalui kejadian komunis meletupkan jambatan keretapi di Kok Mak di Perlis pada 11 Disember 1969. Tindakan komunis itu menyebabkan 60-70 kaki panjang landasan keretapi musnah.<sup>87</sup> Tindakan sabotaj komunis yang lain telah berlaku pada lewat Mei 1974, melibatkan lebih kurang 100 orang gerila komunis. Mereka melintasi sempadan Thailand untuk melakukan sabotaj dengan meletupkan jentera-jentera dan lain-lain kelengkapan bagi membina Lebuhraya Timur-Barat. Kejadian itu menyebabkan kerajaan mengalami kerugian berjuta-juta ringgit kerana kemusnahan jentera dan kelengkapan membina lebuhraya itu. PKM melakukan sabotaj ini adalah kerana mereka berasa bimbang dengan pembinaan lebuhraya tersebut yang akan memudahkan pergerakan pasukan keselamatan dan sebaliknya menimbulkan banyak kesukaran kepada pergerakan PKM.<sup>88</sup> Malahan, komunis turut melakukan satu rompak ke atas *Malayan Banking* Cawangan Sea Park, Petaling Jaya, pada 17 Jun 1976. Mereka berjaya melarikan wang tunai sejumlah lebih kurang \$122,000.<sup>89</sup>

Dengan menimbulkan keadaan yang tidak stabil dalam negara, PKM berharap untuk menimbulkan kesusahan kepada penduduk, pasukan keselamatan dan pihak pentadbiran. Mereka juga bermaksud untuk mengurangkan keyakinan penduduk terhadap pihak pemerintahan negara dalam menjaga keamanan dan kestabilan negara. Walaupun pelbagai strategi disusun oleh PKM untuk meluaskan pengaruhnya di Semenanjung Malaysia, namun ianya tidak melemahkan usaha kerajaan dalam menghapuskan pergerakan komunis. Sebaliknya, kerajaan telah melipatgandakan usaha bagi menentang komunis dengan melancarkan operasi-operasi di kawasan gerak tindak mereka. Ekorannya, perjuangan PKM kali kedua ini juga menemui jalan buntu dan akhirnya PKM bersetuju untuk berdamai dengan kerajaan pada 2 Disember 1989.

## Kesimpulan

Sepanjang pergerakan komunis di Malaysia sejak awal tahun 1920-an sehingga 1989, pelbagai strategi telah diatur dan dijalankan oleh PKM untuk ke arah mencapai matlamat perjuangannya. Pada peringkat awal pergerakan komunis iaitu sekitar tahun 1920-an, komunis mengikuti strategi PKC dan membentuk Barisan Bersatu dengan parti KMT, pertubuhan dan sekolah dalam usaha menyebarkan ideologi komunis kepada penduduk Tanah Melayu. Strategi komunis ini berjaya dalam melebarkan pengaruh dan kegiatan mereka dalam kalangan penduduk Cina khususnya. Setelah PKM dibentuk pada tahun 1930, komunis memberi tumpuan kepada perkembangan semasa untuk meletakkan pengaruhnya dalam kalangan penduduk, iaitu golongan pekerja melalui mogok dan orang Cina melalui Perang China-Jepun. Apabila Tanah Melayu memasuki zaman pendudukan Jepun, penggunaan strategi Barisan Bersatu semakin jelas, iaitu komunis bekerjasama dengan British bagi menentang Jepun. Namun demikian, komunis juga memulakan strategi keganasan setelah Jepun tewas dengan alasan untuk membela nasib rakyat yang ditindas ketika zaman Jepun. Strategi komunis ini telah menimbulkan kekacauan di negeri-negeri Melayu dan kebimbangan

kepada penduduk serta kerajaan. Dalam pergerakan PKM selepas perang, strategi Barisan Bersatu diteruskan dalam menjalin kerjasama dengan pertubuhan-pertubuhan kiri apabila British mengambil keputusan untuk kembali mentadbir Tanah Melayu pada tahun 1946. Bagaimanapun, strategi ini tidak berjaya apabila Persekutuan Tanah Melayu ditubuhkan pada Februari 1948.

Seterusnya, strategi kekerasan dan keganasan melalui pergerakan bersenjata jelas digunakan oleh PKM pada zaman darurat apabila strategi lain tidak berjaya mencapai matlamat PKM. Dengan itu, pelbagai kegiatan kejahatan, kekerasan, keganasan dan sabotaj dilakukan oleh PKM yang menimbulkan ketidakstabilan politik, sosial dan ekonomi negara. Bagaimanapun, komunis tidak berjaya dalam perjuangannya dan darurat ditamatkan pada 31 Julai 1960. Pada 1968, PKM yang berpangkalan di Selatan Thailand telah melancarkan gerakan bersenjata buat kali kedua di Malaysia. Selaras itu, PKM telah mengatur strateginya untuk meneruskan pergerakan ke arah mencapai matlamat mereka. Di sini dapat dilihat selain kejahatan dan keganasan yang dilakukan mereka seperti zaman darurat, mereka turut memperkuatkan kegiatan subversif melalui barisan bawah tanah dan juga mempergunakan agama Islam serta pertubuhan Islam bagi menarik perhatian orang Melayu kepada pergerakan mereka. Namun begitu, perjuangan komunis tidak berjaya kerana komunis tidak dapat memenangi sokongan rakyat dan tidak dapat bersaing dengan kekuatan ketenteraan kerajaan. Memandangkan pembangunan dan keselamatan di Malaysia semakin baik serta taraf hidup penduduk semakin meningkat, akhirnya PKM bersetuju untuk berdamai dengan pihak kerajaan. Dengan demikian, tamatlah pergerakan komunis yang telah berlaku selama lebih 60 tahun itu, bermula pada tahun 1920-an dan berakhir pada tahun 1989.

## Nota

<sup>1</sup>Dr Ho Hui Ling is a lecturer in the Department of History, Faculty of Arts and Social Sciences, University of Malaya.

<sup>2</sup>Strategi Barisan Bersatu digunakan oleh komunis di Tanah Melayu melalui kerjasamanya dengan pihak lain atau organisasi lain untuk mencapai tujuan yang sama, iaitu menentang dan pentadbiran British selepas Perang Dunia Kedua.

<sup>3</sup>Monthly Review of Chinese Affairs, August 1934, CO 273/597/33046. Lihat juga Ho Hui Ling, 2010. *Pembanterasan Komunis di Tanah Melayu*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya. hlm. 2-3.

<sup>4</sup>Interim Report on The Kwok Man Tong in The Federated Malay States Covering Activities During The Period 1<sup>st</sup> January 1927 to End of June 1927, CO 273/537/28053; The Malayan Bulletin of Political Intelligence, June 1927, CO 273/535/28030; *The Communist Threat To The Federation of Malaya*. Kuala Lumpur: Government Printer. 1959. hlm. 27-30. Lihat juga M.R. Stenson, 1970. *Industrial Conflict In Malaya, Prelude To The Communist Revolt of 1948*. London: Oxford University Press. hlm. 8 dan 21; Mohd. Isa Othman, 1999. *Gerakan Protes Dalam Perspektif Sejarah Malaysia Pada Abad Ke-19 dan Awal Abad ke-20*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd. hlm. 221; W.L. Blythe, 1947. *Historical Sketch of Chinese Labour In Malaya*. *JMBRAS* 20(1), June, hlm. 109.

<sup>5</sup>Monthly Review of Chinese Affairs, March 1934, CO 273/596/33046; Monthly Review of Chinese Affairs, July 1934, CO 273/597/33046.

<sup>6</sup>The Malayan Bulletin of Political Intelligence, September 1926, CO 273/534/C.22086; The Malayan Bulletin of Political Intelligence, December 1926, CO 273/535/28030.

<sup>7</sup>The Malayan Bulletin of Political Intelligence, October 1926, CO 273/535/28030.

<sup>8</sup>The Malayan Bulletin of Political Intelligence, May 1927, CO 273/535/28030.

<sup>9</sup>Ruth T. McVey, 1965. *The Rise of Indonesian Communism*. Ithaca: Cornell University Press. hlm. 129; Mahmud Embong, 1992. *Komunisme dan Orang Melayu, 1924-1949*. Dalam: Kobkua Suwannathat-Pian, Rohany Nasir, Mohammad Agus Yusoff (ed). *Dua Dekad Penyelidikan: Sejarah-Bahasa dan Kebudayaan*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia. hlm. 22; Ho Hui Ling, 2004. *Darurat 1948-1960: Keadaan Sosial di Tanah Melayu*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya. hlm. 4.

<sup>10</sup>The Malayan Bulletin of Political Intelligence, December 1926, CO 273/535/28030; The Malayan Bulletin of Political Intelligence, February-April 1926, CO 273/535/28030. Lihat juga Cheah Boon Kheng, 1992. *From PKI To The Comintern, 1924-1941: The Apprenticeship of The Malayan Communist Party*. Ithaca: Cornell University Press. hlm. 9-10; Ho Hui Ling, 2010. *Pembanterasan Komunis di Tanah Melayu*. hlm. 7.

<sup>11</sup>*The Communist Threat To The Federation of Malaya*. hlm. 15, 27-30. Rujuk juga Briefing Points on the Background of the Amnesty Declaration For The Benefit of Those Responsible For Publicising it, Pejabat Perancang Bandar dan Kampong Malaysia, T.P.D. 428/52; Gene Z. Hanrahan, 1971. *The Communist Struggle in Malaya*. Kuala Lumpur: University Malaya

- Press. hlm. 36 dan 52; M.R. Stenson, 1970. *Industrial Conflict in Malaya*. hlm. 8; Mohd. Reduan Haji Asli, 1993. *Pemberontakan Bersenjata Komunis di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. hlm. 7-8; Sabda S & Wahba, 1981. *Musa Ahmad Kembali Kepangkuan*. Selangor: Tra-Tra Publishing & Trading Co. hlm. 111; Ho Hui Ling, 2004. *Darurat 1948-1960*. hlm. 6.
- <sup>12</sup> Maklumat lanjut, lihat Monthly Review of Chinese Affairs, July 1939, CO 273/654/50055. Rujuk juga Ho Hui Ling, 2010. *Pembanterasan Komunis di Tanah Melayu*. hlm. 8.
- <sup>13</sup> Monthly Review of Chinese Affairs, April 1937, CO 273/628/50055.
- <sup>14</sup> Cheah Boon Kheng, 1992. *From PKI To The Comintern, 1924-1941*. hlm. 62-63, 88-89; Anthony Short, 1975. *The Communist Insurrection in Malaya 1948-1960*. London: Frederick Muller. hlm. 20; R.W. Komer, 1972. *The Malayan Emergency in Retrospect: Organization of A Successful Counterinsurgency Effort*. Santa Monica, California. hlm. 1; Harry Miller, 1954. *Menace in Malaya*. London: George H. Harrap & Co. Ltd. hlm. 30 dan 93; Yeo Kim Wah, 1976. The Communist Challenge in The Malayan Labour Scene, September 1936-March 1937. *JMBRAS* 49(2), hlm. 68. Rujuk juga Extract From Malaya Combined Intelligence Summary No. 7, Period 1<sup>st</sup> August to 30<sup>th</sup> September 1940, CO 273/662/50336.
- <sup>15</sup> Monthly Review of Chinese Affairs, April 1937, CO 273/628/50055.
- <sup>16</sup> Monthly Review of Chinese Affairs, May 1937, CO 273/628/50055.
- <sup>17</sup> Monthly Review of Chinese Affairs, December 1937, CO 273/628/50055; Monthly Review of Chinese Affairs, January 1938, CO 273/641/50055; Monthly Review of Chinese Affairs, August 1938, CO 273/641/50055.
- <sup>18</sup> Ho Hui Ling, 2010. *Pembanterasan Komunis di Tanah Melayu*. hlm. 15; Ramlan Hamzah, 1973/74/1974/75. *Parti Kominis Malaya: Penubuhan, Peranan dan Implikasinya*. *Jebat* 3/4, hlm. 60. Rujuk juga James P. Ongkili, 1985. *Nation-Building in Malaysia 1946-1974*. Singapore: Oxford University Press. hlm. 75.
- <sup>19</sup> 2009. *The Memoirs of Abdullah C.D. (Part One) The Movement until 1948*. Petaling Jaya: Strategic Information and Research Development Centre. hlm. 15; Cheah Boon Kheng, 1983. *Red Star Over Malaya: Resistance and Social Conflict During and After The Japanese Occupation, 1941-1946*. Singapore: Singapore University Press. hlm. 60-62; Paul H. Kratoska, 1998. *The Japanese Occupation of Malaya 1941-1945*. Australia: Allen & Unwin. hlm. 292.
- <sup>20</sup> Ho Hui Ling, 2010. *Pembanterasan Komunis di Tanah Melayu*. hlm. 16-17; Ho Hui Ling, 2004. *Darurat 1948-1960*. hlm. 10.
- <sup>21</sup> Dato' J.J. Raj, Jr, 2000. *The War Years and After*. Subang Jaya: Pelanduk Publications. hlm. 57; R. Thambipillay, 2003. *The Malayan Police Force in The Emergency 1948-1960*. Ipoh: R. Thambipillay. hlm. 20.
- <sup>22</sup> Ramlan Hamzah, 1973/74/1974/75. *Parti Kominis Malaya: Penubuhan, Peranan dan Implikasinya*. hlm. 61; M.R. Stenson, 1970. *Industrial Conflict in Malaya*. hlm. 58. Rujuk juga Memorandum on the Malayan Railway Administration, 1958, BK/KTM 13.
- <sup>23</sup> Ho Hui Ling, 2010. *Pembanterasan Komunis di Tanah Melayu*, hlm. 17-18; Gwee Hock Aun, 1966. *The Emergency in Malaya*. Penang: Sinaran. hlm. 16; Harry Miller, 1954. *Menace in Malaya*. hlm. 51; Cheah Boon Kheng, 1983. *Red Star Over Malaya*. hlm. 175-176; James P. Ongkili, 1984. *Darurat dan British, 1948-1960: Suatu Penilaian*. Dalam: Khoo Kay Kim dan Adnan Haji Nawang (ed). *Darurat 1948-1960*. Kuala Lumpur: Muzium Angkatan Tentera. hlm. 6.
- <sup>24</sup> *The Straits Times*, 29 July 1960, hlm. 3.
- <sup>25</sup> *Federation of Malaya Annual Report 1956*. Kuala Lumpur: Government Printer. 1957. hlm. 79; *British Malaya*, Vol. 23, No. 9, January 1949, hlm. 143. Rujuk juga Alex Josey, 1954. *Trade Unionism in Malaya*. Singapore: Donald Moore. hlm. 17; Richard Clutterbuck, 1973. *Riot and Revolution in Singapore and Malaya 1945-1963*. London: Faber and Faber Limited. hlm. 295.
- <sup>26</sup> Maklumat lanjut, lihat Charles Gamba, 1957. *Labour Law In Malaya*. Singapore: Donald Moore. hlm. 26-28.
- <sup>27</sup> *Federation of Malaya Annual Report 1949*. Kuala Lumpur: Government Press. 1950. hlm. 181. Rujuk juga Michael Stenson, 1968. *Repression and Revolt, The Origin of The 1948 Communist Insurrection in Malaya and Singapore*. *Journal of Southeast Asia Series* 6(10), hlm. 18.
- <sup>28</sup> P.R. 473/48, Amendments To Trade Union Ordinance, F. of M. Ordinances-1948, Jabatan Peguam Negara (Attorney General's Chambers), P/PEG 1. Rujuk juga Charles Gamba, 1962. *The Origins of Trade Unionism in Malaya: A Study in Colonial Labour Unrest*. Singapore: Eastern Universities Press LTD. hlm. 156-158 dan 343; *Federation of Malaya Annual Report 1948*. Kuala Lumpur: Government Press. 1949. hlm. 181-182; *Communist Banditry In Malaya-Extracts From Speeches by The High Commissioner Sir Henry Gurney, K.C.M.G., October 1948 to December 1949*. Kuala Lumpur: Department of Public Relations, Federation of Malaya. hlm. 2.

- <sup>29</sup>*Federation of Malaya Annual Report 1948*. hlm. 13 dan 182; *The China Press*, 25 June 1948, hlm. 6; *Indian Daily Mail*, 25 June 1948, hlm. 4; 26 June 1948, hlm. 2; *The Malay Mail*, 24 June 1948, hlm. 5; *The Malaya Tribune (Kuala Lumpur)*, 28 June 1948, hlm. 4. Maklumat lanjut, lihat juga Abdullah Zakaria Ghazali, Ho Hui Ling, Mahmud Embong, 2009. *Darurat di Kelantan 1948-1960: Pengalaman dan Iktibar*. Kota Bharu: Perbadanan Muzium Negeri Kelantan. hlm. 51-52; Ho Hui Ling, 2010. *Pembanteras Komunis di Tanah Melayu*. hlm. 27; Ho Hui Ling, 2004. *Darurat 1948-1960*. hlm. 15.
- <sup>30</sup>Abdullah Zakaria Ghazali, Ho Hui Ling, Mahmud Embong, 2009. *Darurat di Kelantan 1948-1960*. hlm. 50.
- <sup>31</sup>*The Malay Mail*, 15 September 1948, hlm. 5.
- <sup>32</sup>*Modern Daily News*, 26 July 1949, hlm. 4; *Kwong Wah Yit Poh & Penang Sin Poe*, 26 July 1949, hlm. 4.
- <sup>33</sup>Chronology of Important Events During The Emergency In Malaya For The Period January To June, 1950, Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor, Sel. Sec. 2114/1949.
- <sup>34</sup>Inward Telegram, To The Secretary of State For The Colonies, From Federation of Malaya, 8<sup>th</sup> November 1952, CO 1022/9/SEA10.
- <sup>35</sup>*Indian Daily Mail*, 27 August 1954, hlm. 1. Lihat juga Ho Hui Ling, 2011. *Zaman Darurat, 1948-1960: Kegiatan Komunis dan Langkah-langkah Kerajaan Membanteras Komunis*. Dalam: Abdullah Zakaria Ghazali, Mohd. Radzi Hj. Ahmad (ed). *Perak: Warisan, Budaya & Sejarah*. Kuala Lumpur: Persatuan Muzium Malaysia. hlm. 321
- <sup>36</sup>*The Malay Mail*, 11 March 1955, hlm. 7. Lihat juga Ho Hui Ling, 2011. *Zaman Darurat, 1948-1960: Kegiatan Komunis dan Langkah-langkah Kerajaan Membanteras Komunis*. hlm. 321.
- <sup>37</sup>*The Straits Times*, 27 July 1948, hlm. 1. Lihat juga Dato' J. J. Raj, Jr., 2000. *The War Years & After*. hlm. 117; Ho Hui Ling, 2011. *Zaman Darurat, 1948-1960: Kegiatan Komunis dan Langkah-langkah Kerajaan Membanteras Komunis*. hlm. 322.
- <sup>38</sup>Federation of Malaya Police Operational Intelligence Summary No. 83 For Week Ending 9 February 1950, CO 717/198/52849/8. Lihat juga Ho Hui Ling, 2011. *Zaman Darurat, 1948-1960: Kegiatan Komunis dan Langkah-langkah Kerajaan Membanteras Komunis*. hlm. 322.
- <sup>39</sup>*The Singapore Free Press*, 23 November 1950, hlm. 1; *The Malaya Tribune (Singapore)*, 23 November 1950, hlm. 8; *Straits Echo & Times of Malaya*, 23 November 1950, hlm. 7.
- <sup>40</sup>Labour Department Negeri Sembilan, Report For June 1949, Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan, N.S. State Secretariat No. 260/49. Lihat juga Ho Hui Ling, 2004. *Darurat 1948-1960*, hlm. 64.
- <sup>41</sup>Federation of Malaya Political Report No. 12 For December 1950, CO 825/82/1.
- <sup>42</sup>*The China Press*, 9 July 1960, hlm. 10; *The Straits Times*, 8 July 1960, hlm. 6. Lihat juga Ho Hui Ling, 2004. *Darurat 1948-1960*, hlm. 62.
- <sup>43</sup>Planters Killed In The Emergency, CO 1030/15/FED12; Names of European Rubber Planters Who Were Not Auxiliary Policemen Killed By Bandits Since Commencement of The Disturbances In Respect of Whom Claims Have Been Received, CO 1022/25/SEA10.
- <sup>44</sup>*The Malay Mail*, 16 October 1948, hlm. 5; *The Malaya Tribune (Kuala Lumpur)*, 16 October 1948, hlm. 1.
- <sup>45</sup>*Indian Daily Mail*, 16 February 1949, hlm. 4; *The Malay Mail*, 15 February 1949, hlm. 5; *The Malaya Tribune (Kuala Lumpur)*, 15 February 1949, hlm. 1.
- <sup>46</sup>*The Malay Mail*, 11 January 1951, hlm. 7; *Straits Echo & Times of Malaya*, 11 January 1951, hlm. 7.
- <sup>47</sup>*Indian Daily Mail*, 12 January 1954, hlm. 4.
- <sup>48</sup>*Sing Pin Jih Pao*, 17 November 1955, hlm. 7; *Straits Echo & Times of Malaya*, 17 November 1955, hlm. 1.
- <sup>49</sup>*Majlis*, 10 Mac 1949, hlm. 2.
- <sup>50</sup>Keterangan lanjut, sila lihat Mohd Yusoff Ariffin, 1984. *Peristiwa Bukit Kepong*. Dalam: Prof. Khoo Kay Kim dan Adnan Hj. Nawang (ed). *Darurat 1948-1960*. Kuala Lumpur: Muzium Angkatan Tentera. hlm. 93-124. Lihat juga *The Malay Mail*, 24 February 1950, hlm. 1.
- <sup>51</sup>*The Malay Mail*, 23 February 1952, hlm. 5.
- <sup>52</sup>*Indian Daily Mail*, 19 October 1954, hlm. 4.

<sup>53</sup>Inward Telegram From Federation of Malaya, Sir Donald MacGillivray to The Secretary of State For The Colonies, 21<sup>st</sup> November 1955, FO 371/116939/D1091.

<sup>54</sup>S.S. Awbery and F.W. Dalley, 1948. *Labour and Trade Union Organisation in The Federation of Malaya and Singapore*. Kuala Lumpur: Government Press. hlm. 3-4. Lihat juga Ho Hui Ling, 2004. *Darurat 1948-1960*, hlm. 227.

<sup>55</sup>*The China Press*, 3 February 1953, hlm. 4.

<sup>56</sup>*Federation of Malaya Annual Report 1950*. Kuala Lumpur: Government Press. 1951. hlm. 179-180.

<sup>57</sup>"Faham Komunis dan Pencherobohan Sukarno". Uchapan Dato Mohd Ghazali Bin Shafie, Setia Usaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Luar. Di-Seminar Penuntut2 Malaysia, Kuala Lumpur Pada 4hb September, 1964. hlm. 21-22.

<sup>58</sup>PENGAMAN, *Majalah Polis Diraja Malaysia*, Jilid 38, 1986, hlm. 12-13.

<sup>59</sup>"Faham Komunis dan Pencherobohan Sukarno", hlm. 22-23.

<sup>60</sup>Keterangan lanjut, lihat *Gerakan 30 September Pemberontakan Partai Komunis Indonesia: Latar Belakang, Aksi, dan Penumpasannya*. Jakarta: Sekretariat Negara Republik Indonesia. 1994. hlm. 93-139. Lihat juga Wan Azizan Wan Ahmad, 1976. *Komunis Mengancam Malaysia?*. Petaling Jaya: Penerbit Kompas. hlm. 26-27.

<sup>61</sup>Mohd. Reduan Haji Asli, 1993. *Pemberontakan Bersenjata Komunis di Malaysia*. hlm. 96-100. Rujuk juga Richard Clutterbuck, 1985. *Conflict and Violence in Singapore and Malaysia 1945-1983*. Singapore: Graham Brash (Pte) Ltd. hlm. 280-281; *Memoir Abdullah C.D. Bahagian III: Perjuangan di Sempadan dan Penamatan Terhormat*. Petaling Jaya: Strategic Information and Research Development Centre. 2009. hlm. 95.

<sup>62</sup>Form At A Gilance (As at August 71), DEFE 31/86.

<sup>63</sup>Wan Azizan Wan Ahmad, 1976. *Komunis Mengancam Malaysia?*. hlm. 22-23.

<sup>64</sup>Malayan Liberation Front cc Issues Anniversary Statement, FCO 24/1741/FWM1; Research Memorandum, Thomas L. Hughes, "The Malaysian Communists: Serious Menace or Perpetual Irritant?", FCO 24/474/FWM1. Lihat juga Mahmud Embong, 2008. *Insurgensi Komunis di Sempadan Malaysia-Thailand*. Dalam: Abdullah Zakaria Ghazali, Zulkanain Abdul Rahman (ed). *Konflik Dunia Abad Ke-20*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. hlm. 426; Mohd. Reduan Haji Asli, 1993. *Pemberontakan Bersenjata Komunis di Malaysia*. hlm. 116; Mohamed Salleh Lamry, 2008. *Gerakan Kiri Melayu dalam Perjuangan Kemerdekaan*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia. hlm. 160; Muhammad Ghazali Shafie, Tan Sri. *Subversive Activities: how they are disrupted*. tiada penerbit. 1976. hlm. 2; *Royal Malaysia Police Annual Report 1968*. Kuala Lumpur: Jabatan Chetak Kerajaan. 1970. hlm. 71.

<sup>65</sup>*Berita Harian*, 2 Jun 1968, hlm. 1.

<sup>66</sup>*The Malaysian Army's Battle Against Communist: Insurgency in Peninsular Malaysia 1968-1989*. Kuala Lumpur: Markas Tentera Darat. 2001. hlm. 29-31.

<sup>67</sup>*Berita Harian*, 13 September 1969, hlm. 10.

<sup>68</sup>*Berita Harian*, 7 Jun 1983, hlm. 1; 3 Disember 1983, hlm. 1; 17 Julai 1985, hlm. 2.

<sup>69</sup>*Berita Harian*, 17 Jun 1968, hlm. 1 dan 10; 10 November 1968, hlm. 12.

<sup>70</sup>*Berita Harian*, 30 Julai 1968, hlm. 1.

<sup>71</sup>*The Path of Violence to Absolute Power*. Kuala Lumpur: Jabatan Chetak Kerajaan. 1968. hlm. 16-17.

<sup>72</sup>*The Resurgence of Armed Communism in West Malaysia*. Kuala Lumpur: Jabatan Chetak Kerajaan. 1971. hlm. 9. Lihat juga *Sin Chew Jit Poh*, 20 Disember 1968, hlm. 5; 22 Disember 1968, hlm. 7; Mohd. Reduan Haji Asli, 1993. *Pemberontakan Bersenjata Komunis di Malaysia*, hlm. 133.

<sup>73</sup>"Communist Exploit Malaysian-Muslims", FCO 24/1740/FWM1. Lihat juga *Berita Harian*, 10 September 1968, hlm. 10.

<sup>74</sup>Kathleen Kazer, Research Department South & Southeast Asia Section, 24 January 1973, "Malayan Islamic Fraternal Party", FCO 15/1919/FAF1. Lihat juga *The Militant Communist Threat to West Malaysia*. Kuala Lumpur: Ministry of Home Affairs. October 1966. hlm. 4.

<sup>75</sup>*Memoir Abdullah C.D. Bahagian Ketiga*, hlm. 115-116.

- <sup>76</sup>Ancaman Kepada Perpaduan Umat Islam dan Keselamatan Negara. Kuala Lumpur: Jabatan Percetakan Negara. 1984. hlm. 18.
- <sup>77</sup>Berita Harian, 20 Januari 1984, hlm. 2 dan 21.
- <sup>78</sup>Malaysia 1969 Official Year Book. Vol. 9. Government Press. 1971. hlm. 97; Berita Harian, 18 Disember 1969, hlm. 5; Royal Malaysia Police Annual Report 1969. Kuala Lumpur: Jabatan Chetak Kerajaan. 1971. hlm. 76.
- <sup>79</sup>Berita Perak, Bil. 9, November dan Disember 1974, hlm. 21. Lihat juga Royal Malaysia Police, Police Report 1973-1975. Kuala Lumpur: Jabatan Percetakan Negara. 1977. hlm. 95.
- <sup>80</sup>Royal Malaysia Police, Police Report 1976-1978. Kuala Lumpur: Jabatan Percetakan Negara. 1983. hlm.127. Lihat juga Sin Chew Jit Poh, 25 April 1977, hlm. 1.
- <sup>81</sup>Berita Harian, 6 November 1982, hlm. 17.
- <sup>82</sup>Research Memorandum, Thomas L. Hughes, "The Malaysian Communists: Serious Menace or Perpetual Irritant?", FCO 24/474/FWM1; *The Path of Violence to Absolute Power*. hlm. 4. Lihat juga *The Malay Mail*, 19 June 1968, hlm. 1; *Berita Harian*, 19 Jun 1968, hlm. 1, 3, 6 dan 10; *Sin Chew Jit Poh*, 19 Jun 1968, hlm. 5.
- <sup>83</sup>*The Malay Mail*, 30 April 1975, hlm. 1.
- <sup>84</sup>Mohd. Reduan Haji Asli, 1993. *Pemberontakan Bersenjata Komunis di Malaysia*. hlm. 136; PENGAMAN, Majalah Polis Diraja Malaysia, Oktober/Disember 1975, hlm. 18; British High Commissioner, 22 January 1974, "The Security Situation in Peninsular Malaysia", FCO 15/1919/FAF1; Malaysia: Annual Review For 1973 and Sir J. Johnstons Valedictory, FCO 15/1921/FAF1.
- <sup>85</sup>*Utusan Malaysia*, 5 Jun 1974, hlm. 1; 27 Ogos 1975, hlm. 1; *The Straits Times*, 31 December 1976, hlm. 10; *Berita Harian*, 3 Julai 1976, hlm. 1; *Sin Chew Jit Poh*, 7 Jun 1974, hlm. 5; 31 Disember 1976, hlm. 3. Lihat juga *The Malaysian Army's Battle Against Communist: Insurgency in Peninsular Malaysia 1968-1989*. hlm. 31.
- <sup>86</sup>Malaysia: Annual Review For 1975, FCO 15/2162/FAF014; Communist Threat To Malaysia: July 1975-July 1976 (The British High Commissioner at Kuala Lumpur to the Secretary of State For Foreign and Commonwealth Affairs), FCO 15/2161/FAF011. Lihat juga PENGAMAN, Majalah Polis Diraja Malaysia, Oktober/Disember 1975, hlm. 16, 18-19; *The Malaysian Army's Battle Against Communist: Insurgency in Peninsular Malaysia 1968-1989*. hlm. 31.
- <sup>87</sup>Royal Malaysia Police Annual Report 1969. hlm. 76. Lihat juga *Berita Harian*, 13 Disember 1969, hlm. 1; *The Malay Mail*, 14 December 1969, hlm. 1 dan 5.
- <sup>88</sup>Mohd. Reduan Haji Asli, 1993. *Pemberontakan Bersenjata Komunis di Malaysia*. hlm. 136; PENGAMAN, Majalah Polis Diraja Malaysia, Oktober/Disember 1975, hlm. 7; British High Commissioner, Kuala Lumpur, 2 July 1974, FCO 15/1919/FAF1.
- <sup>89</sup>*Berita Harian*, 18 Jun 1976, hlm. 1; *Sin Chew Jit Poh*, 18 Jun 1975, hlm. 4; PENGAMAN, Majalah Polis Diraja Malaysia, April/Disember 1976, hlm. 62.

## Rujukan

- Abdullah C. D. 2009. *Memoir Abdullah C.D. Bahagian III: Perjuangan di Sempadan dan Penamatan Terhormat*. Petaling Jaya: Strategic Information and Research Development Centre.
- Abdullah C. D. 2009. *The Memoirs of Abdullah C.D. (Part One) The Movement until 1948*. Petaling Jaya: Strategic Information and Research Development Centre.
- Abdullah Zakaria Ghazali, Ho Hui Ling, dan Mahmud Embong. 2009. *Darurat di Kelantan 1948-1960: Pengalaman dan Iktibar*. Kota Bharu: Perbadanan Muzium Negeri Kelantan.
- Awbery, S.S., and Dalley, F.W. 1948. *Labour and Trade Union Organisation in The Federation of Malaya and Singapore*. Kuala Lumpur: Government Press.
- Blythe, W.L. 1947. "Historical Sketch of Chinese Labour in Malaya." *JMBRAS* 20 (1).
- Cheah Boon Kheng. 1992. *From PKI To The Comintern, 1924-1941: The Apprenticeship of The Malayan Communist Party*. Ithaca: Cornell University Press.
- Cheah Boon Kheng. 1983. *Red Star Over Malaya: Resistance and Social Conflict During and After The Japanese Occupation, 1941-1946*. Singapore: Singapore University Press.

- Clutterbuck, Richard. 1973. *Riot and Revolution in Singapore and Malaya 1945-1963*. London: Faber and Faber Limited.
- Clutterbuck, Richard. 1985. *Conflict and Violence in Singapore and Malaysia 1945-1983*. Singapore: Graham Brash (Pte) Ltd.
- Gamba, Charles. 1957. *Labour Law in Malaya*. Singapore: Donald Moore.
- Gamba, Charles. 1962. *The Origins of Trade Unionism in Malaya: A Study in Colonial Labour Unrest*. Singapore: Eastern Universities Press LTD.
- Gerakan 30 September Pemberontakan Partai Komunis Indonesia: Latar Belakang, Aksi, dan Penumpasannya*. 1994. Jakarta: Sekretariat Negara Republik Indonesia.
- Gwee Hock Aun. 1966. *The Emergency in Malaya*. Penang: Sinaran.
- Hanrahan, Gene Z. 1971. *The Communist Struggle in Malaya*. Kuala Lumpur: University Malaya Press.
- Ho Hui Ling. 2004. *Darurat 1948-1960: Keadaan Sosial di Tanah Melayu*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- \_\_\_\_\_. 2010. *Pembanterasannya Komunis di Tanah Melayu*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- \_\_\_\_\_. 2011. "Zaman Darurat, 1948-1960: Kegiatan Komunis dan Langkah-langkah Kerajaan Membanteras Komunis." Dalam *Perak: Warisan, Budaya & Sejarah*, pnyt. Abdullah Zakaria Ghazali, dan Mohd. Radzi Hj. Ahmad. Kuala Lumpur: Persatuan Muzium Malaysia.
- Josey, Alex. 1954. *Trade Unionism in Malaya*. Singapore: Donald Moore.
- Komer, R.W. 1972. *The Malayan Emergency in Retrospect: Organization of a Successful Counterinsurgency Effort*. Santa Monica: California.
- Kratoska, Paul H. 1998. *The Japanese Occupation of Malaya 1941-1945*. Australia: Allen & Unwin.
- Mahmud Embong. 1992. "Komunisme dan Orang Melayu, 1924-1949." Dalam *Dua Dekad Penyelidikan: Sejarah-Bahasa dan Kebudayaan*, pnyt. Kobkua Suwannathat-Pian, Rohany Nasir, dan Mohammad Agus Yusoff. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mahmud Embong. 2008. "Insurgensi Komunis di Sempadan Malaysia-Thailand." Dalam *Konflik Dunia Abad Ke-20*, pnyt. Abdullah Zakaria Ghazali, dan Zulkarnain Abdul Rahman. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- McVey, Ruth T. 1965. *The Rise of Indonesian Communism*. Ithaca: Cornell University Press.
- Miller, Harry. 1954. *Menace in Malaya*. London: George H. Harrap & Co. Ltd.
- Mohamed Salleh Lamry. 2008. *Gerakan Kiri Melayu dalam Perjuangan Kemerdekaan*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd. Isa Othman. 1999. *Gerakan Protes Dalam Perspektif Sejarah Malaysia Pada Abad Ke-19 dan Awal Abad ke-20*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Mohd. Reduan Haji Asli. 1993. *Pemberontakan Bersenjata Komunis di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Yusoff Ariffin. 1984. "Peristiwa Bukit Kepong." In *Darurat 1948-1960*, pnyt. Prof. Khoo Kay Kim, dan Adnan Hj. Nawang. Kuala Lumpur: Muzium Angkatan Tentera.
- Ongkili, James P. 1985. *Nation-Building In Malaysia 1946-1974*. Singapore: Oxford University Press.
- Ongkili, James P. 1984. "Darurat dan British, 1948-1960: Suatu Penilaian." Dalam *Darurat 1948-1960*, pnyt. Prof. Khoo Kay Kim, dan Mohammad Hj. Nawang. Kuala Lumpur: Muzium Angkatan Tentera.
- Raj Jr., Dato' J.J. 2000. *The War Years and After*. Subang Jaya: Pelanduk Publications.
- R. Thambipillay. 2003. *The Malayan Police Force in The Emergency 1948-1960*. Ipoh: R. Thambipillay.
- Ramlan Hamzah. 1973/74/1974/75. *Parti Komunis Malaya: Penubuhan, Peranan dan Implikasinya*. *Jebat* 3/4.
- Sabda S & Wahba. 1981. *Musa Ahmad Kembali Kepangkuan*. Selangor: Tra-Tra Publishing & Trading Co.
- Short, Anthony. 1975. *The Communist Insurrection in Malaya 1948-1960*. London: Frederick Muller.
- Stenson, M.R. 1970. *Industrial Conflict in Malaya, Prelude To The Communist Revolt of 1948*. London: Oxford University Press.
- Stenson, Michael. 1968. Repression and Revolt, The Origin of The 1948 Communist Insurrection in Malaya and Singapore. *Journal of Southeast Asia Series* 6 (10).
- Wan Azizan Wan Ahmad, 1976. *Komunis Mengancam Malaysia?* Petaling Jaya: Penerbit Kompas.
- Yeo Kim Wah. 1976. "The Communist Challenge in The Malayan Labour Scene." September 1936-March 1937." *JMBRAS* 49 (2).